PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KETIGA 2009

TINJAUAN KESELURUHAN

Momentum pemulihan ekonomi semakin nyata pada suku ketiga

Ekonomi Malaysia bertambah baik pada suku ketiga dengan mencatat penguncupan yang lebih kecil sebanyak 1.2% pada suku ketiga 2009 (S2 09: -3.9%), dalam keadaan pertumbuhan permintaan dalam negeri yang positif dan permintaan luar negeri yang stabil. Pertumbuhan didorong terutamanya oleh permintaan dalam negeri, disebabkan penggunaan swasta yang lebih kukuh dan perbelanjaan sektor awam yang lebih tinggi. Ekonomi global yang bertambah baik, terutamanya ekonomi serantau, membantu menstabilkan sektor luaran. Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi, kecuali pertanian, mencatat prestasi yang lebih baik.

Suku ketiga terus bertambah baik
(pada harga malar tahun 2000)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada suku ketiga, permintaan dalam negeri mencatat pertumbuhan positif 0.4% (S2 09: -2.2%), dipacu oleh pertumbuhan penggunaan sektor swasta dan perbelanjaan sektor awam yang lebih kukuh. Penggunaan swasta, yang meningkat sebanyak 1.5% (S2 09: 0.5%), disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik, paras harga yang lebih rendah dan perbelanjaan yang lebih tinggi untuk musim perayaan. Sentimen pengguna terus positif pada suku ketiga seperti yang dicerminkan oleh Indeks Sentimen Pengguna MIER yang melebihi paras nilai ambang 100 mata. Sektor awam terus menyokong ekonomi, dengan penggunaan awam berkembang sebanyak 10.9% (S2 09: 1%), berikutan perbelanjaan emolumen yang lebih tinggi. Sementara itu, perbelanjaan pembangunan sektor awam terus kukuh dan disalurkan terutamanya kepada sektor pembangunan luar bandar, pendidikan dan pengangkutan. Pelaburan sektor awam yang kukuh menyokong pembentukan modal tetap kasar, yang menguncup dengan lebih sederhana sebanyak 7.9% (S2 09: -9.6%) dalam keadaan pelaburan sektor swasta yang masih lembap.

Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi, kecuali pertanian, mencatat prestasi yang lebih baik pada suku itu. Sektor perkhidmatan terus berkembang sebanyak 3.4% (S2 09: 1.6%), terutamanya disokong oleh peningkatan dalam subsektor perdagangan borong dan runcit, kewangan dan insurans, dan subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan. Pertumbuhan dalam sektor pembinaan lebih tinggi pada 7.9% (S2 09: 4.5%) berikutan pelaksanaan projek-projek pembinaan yang semakin pesat di bawah pakej rangsangan. Sektor perkilangan menguncup pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 8.6% (S2 09: -14.5%) berikutan kemerosotan yang lebih sederhana dalam industri berorientasikan eksport disebabkan oleh permintaan luar negeri yang stabil, manakala peningkatan dalam industri berorientasikan dalam negeri didorong oleh aktiviti yang lebih tinggi dalam kelompok industri berkaitan pembinaan dan pengguna. Penguncupan dalam sektor perlombongan juga lebih kecil sedikit kepada 3.5% (S2 09: -3.6%). Sementara itu, nilai ditambah sektor pertanian merosot sebanyak 0.5% (S2 09: 0.3%) disebabkan terutamanya oleh pengeluaran tanaman industri yang lebih rendah.

Kadar inflasi, seperti yang diukur melalui perubahan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), merosot pada kadar tahunan 2.3% pada suku ketiga (S2 09: 1.3%). Penurunan dalam harga pengguna sebahagian besarnya disebabkan oleh kesan kumulatif pelarasan harga runcit bahan api sejak kenaikan harga pada bulan Jun 2008.

Dalam sektor luaran, lebihan perdagangan kekal besar pada RM26.7 bilion pada suku ketiga, disebabkan penguncupan eksport dan import pada kadar yang lebih kecil. Eksport kasar menguncup sebanyak 22.3% (S2 09: -26.3%). Pemulihan secara beransur-ansur dalam permintaan bagi produk perkilangan dan peningkatan eksport LNG menyumbang kepada penurunan yang lebih kecil dalam eksport komoditi. Penurunan yang lebih kecil dalam import kasar sebanyak 18.3% (S2 09: -23.8%) disumbangkan oleh penguncupan lebih perlahan dalam import barangan pengantara dan pengguna yang sejajar dengan peningkatan eksport perkilangan dan perbelanjaan penggunaan swasta yang lebih tinggi.

Pada asas tunai, aliran masuk kasar pelaburan langsung asing (foreign direct Investment, FDI)[1] menjadi sederhana kepada RM6.2 bilion pada suku ketiga (S2 09: RM9.1 bilion). Selepas pelarasan bagi aliran keluar kasar yang disebabkan terutamanya oleh bayaran balik pinjaman kepada syarikat induk, FDI bersih berjumlah RM2.1 bilion (S2 09: RM6.5 bilion). Sejumlah besar FDI disalurkan kepada sektor perkilangan dan perkhidmatan. Pelaburan luar negeri oleh syarikat-syarikat Malaysia mencatat aliran keluar bersih yang lebih besar sebanyak RM3.4 bilion (S2 09: -RM2.1 bilion), yang sebahagian besarnya adalah untuk pelaburan dalam sektor perkhidmatan. Sementara itu, pelaburan portfolio mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM8.8 bilion (S2 09: -RM13.6 bilion) pada suku ketiga, terutamanya disebabkan oleh perolehan daripada terbitan bon di luar negeri oleh sebuah Perusahaan Awam Bukan Kewangan (Non-Financial Public Enterprise, NFPE) dalam sektor minyak dan gas untuk membiayai perbelanjaan modalnya pada masa hadapan.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM334.3 bilion (bersamaan dengan USD96 bilion) pada 30 September 2009, dan kekal tidak berubah pada RM334.8 bilion (bersamaan dengan USD96.1 bilion) pada 13 November 2009. Paras rizab ini memadai untuk membiayai 9.9 bulan import tertangguh dan ialah 4.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Dasar Monetari terus menyokong aktiviti ekonomi

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) terus tidak berubah pada 2.00% pada suku ketiga, sejajar dengan penilaian bahawa pelonggaran dasar monetari secara kumulatif terus menyokong aktiviti ekonomi dalam jangka sederhana.

Kadar faedah antara bank bagi semua tempoh matang secara relatif stabil pada suku ketiga. Dari segi kadar pinjaman, kadar pinjaman asas (Base Lending Rate, BLR) purata masih tidak berubah pada suku itu, manakala kadar pinjaman purata (Average Lending Rate, ALR) terus menurun pada suku ketiga untuk mencatat paras terendah dalam sejarah pada 4.91% pada bulan September 2009. Sementara itu, kadar inflasi yang negatif sejak bulan Jun 2009 menyebabkan kadar simpanan tetap (Fixed Deposit, FD) terus positif bagi semua tempoh pemegangan.

Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal terus tinggi pada RM180.5 bilion pada suku ketiga (S2 09: RM183.3 bilion). Aktiviti pembiayaan disokong oleh persekitaran kadar faedah yang rendah, mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam sistem perbankan, serta langkah-langkah

[1] Statistik bagi FDI pada asas tunai tidak mengambil kira perolehan tertahan dan pelaburan dalam bentuk jentera dan kelengkapan yang diimport.

yang disasarkan untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan. Pinjaman terkumpul bersih sistem perbankan berkembang sebanyak RM21 bilion, mencerminkan pemberian pinjaman yang lebih tinggi kepada sektor perniagaan dan isi rumah. Dari segi pertumbuhan tahunan, pinjaman bersih sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul meningkat 7.2% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun: 8%).

Pada suku ketiga, pemerolehan dana bersih dalam pasaran modal berjumlah RM23.4 bilion (S2 09: RM45.7 bilion) oleh sektor awam dan swasta, mencerminkan terutamanya dana yang diperoleh Kerajaan melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII). Pada suku itu, pemerolehan dana kasar dalam pasaran PDS berjumlah RM13.5 bilion (S2 09: RM19.3 bilion), manakala pemerolehan dana dalam pasaran ekuiti berjumlah RM1.2 bilion (S2 09: RM11.5 bilion).

Ringgit menambah nilai sebanyak 1.4% berbanding dengan dolar AS pada suku ketiga, dan pada umumnya stabil berbanding dengan mata wang serantau lain. Ringgit disokong oleh sentimen pelabur yang menggalakkan dan peningkatan kesanggupan mengambil risiko di rantau ini berikutan pemulihan yang lebih kukuh dalam ekonomi Asia. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan paun sterling (5.2%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (-5.1%) dan euro (-2.2%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan renminbi China (1.3%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan mata wang serantau lain antara 0.1% hingga 6.4%. Bagi mata wang serantau, prestasi rupiah Indonesia dan won Korea terus kukuh berbanding dengan mata wang serantau lain. Antara 1 Oktober hingga 19 November, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 2.8%, yen Jepun (2%) dan euro (0.7%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (-1.3%). Ringgit menambah nilai antara 0.8% hingga 2.8% berbanding dengan mata wang serantau.

Sektor kewangan terus berdaya tahan

Sektor kewangan terus berdaya tahan dengan permodalan yang kukuh, kualiti aset yang tinggi, mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dan keberuntungan yang berterusan pada suku ketiga. Ini membolehkan sektor kewangan untuk terus menyokong keperluan pembiayaan dan perkhidmatan kewangan dalam ekonomi.

Pada akhir bulan September, nisbah modal wajaran risiko dan nisbah modal teras sistem perbankan masing-masing bertambah kukuh kepada 14.5% dan 12.9%, dengan penampan modal yang melebihi RM50 bilion. Nisbah pinjaman tak berbayar bersih bertambah baik kepada 2.1%, manakala tahap kegagalan membayar pinjaman menurun, seperti yang dicerminkan oleh pinjaman tertunggak antara 1 hingga 2 bulan, untuk mencakupi 3.4% daripada jumlah keseluruhan pinjaman. Keuntungan sebelum cukai daripada semua sumber pendapatan utama meningkat kepada RM5.1 bilion pada suku itu, menghasilkan pulangan atas ekuiti sebanyak 13%.

Sementara itu, Nisbah Kecukupan Modal industri insurans terus teguh pada 214.7% (S2 09: 208%). Keberuntungan daripada sektor insurans dan takaful bertambah kukuh kepada RM4.6 bilion, terutamanya didorong oleh peningkatan dalam pendapatan premium di hampir kesemua segmen perniagaan, serta perolehan yang memberangsangkan daripada aktiviti pelaburan sejajar dengan keadaan pasaran modal yang bertambah baik.

Ekonomi dalam negeri dijangka mencatat pertumbuhan positif pada masa hadapan

Keadaan ekonomi dan kewangan antarabangsa memperlihatkan tanda-tanda yang semakin menggalakkan pada suku ketiga. Aktiviti ekonomi di negara-negara maju terus stabil manakala beberapa negara serantau telah mencatat pertumbuhan positif pada suku ketiga. Perkembangan positif ini dijangka terus berlanjutan hingga ke tahun 2010. Meskipun perkembangan ini adalah positif, kadar pemulihan dalam ekonomi global dijangka berlaku secara beransur-ansur dan tidak menyeluruh, dan prospek ekonomi terus tidak menentu, terutama apabila kesan daripada sokongan dasar yang penting mulai mengecil.

Ekonomi Malaysia telah menunjukkan tanda-tanda pemulihan yang lebih nyata pada suku ketiga dan penunjuk ekonomi memperlihatkan bahawa aktiviti ekonomi dalam negeri semakin kukuh. Permintaan dalam negeri, khususnya penggunaan swasta dan perbelanjaan sektor awam, telah menjadi pendorong utama pertumbuhan. Melangkah ke hadapan, momentum pemulihan ekonomi dijangka meningkat, disebabkan sentimen perniagaan dan pengguna terus bertambah baik dalam persekitaran pelaksanaan langkah-langkah fiskal yang berterusan, dasar monetari yang akomodatif dan akses yang berterusan kepada pembiayaan. Selain itu, keadaan ekonomi global yang beransur-ansur bertambah baik akan terus memberikan sumbangan positif kepada pemulihan ekonomi dalam negeri.

PERKEMBANGAN PADA SUKU KEDUA 2009

KEADAAN EKONOMI ANTARABANGSA

Tanda-tanda pemulihan ekonomi global semakin jelas

Tanda-tanda pemulihan dalam ekonomi global menjadi lebih jelas pada suku ketiga 2009. Pengeluaran, perdagangan dan jualan runcit global pulih semula, sementara keadaan dalam pasaran kewangan antarabangsa terus stabil. Di beberapa ekonomi maju utama, iaitu Amerika Syarikat, Jepun, Jerman dan Perancis, kegiatan ekonomi bertambah pesat seperti yang ditunjukkan oleh pertumbuhan suku tahunan yang positif. Pemulihan aktiviti ekonomi dalam ekonomi sedang pesat membangun lebih kukuh, khususnya di rantau Asia. Walau bagaimanapun, tahap pemulihan dalam ekonomi global masih tidak menyeluruh dan terus bergantung pada sokongan dasar.

Di **Amerika Syarikat**, KDNK benar meningkat pada kadar tahunan 3.5% pada suku ketiga (S2 09: -0.7%), iaitu pertumbuhan positif untuk pertama kali selepas mengalami penguncupan selama empat suku berturut-turut. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh pertumbuhan positif dalam penggunaan swasta dan pelaburan tetap harta kediaman. Penggunaan swasta meningkat sebanyak 3.4% (S2 09: -0.6%) disebabkan oleh pembelian kenderaan bermotor yang menggalakkan apabila pengguna mengambil kesempatan daripada program 'cash for clunkers', iaitu sistem rebat untuk jualan kereta terpakai. Pelaburan tetap swasta berkembang sebanyak 2.3% (S2 09: -12.5%), dengan pelaburan dalam sektor kediaman mencatat pertumbuhan pertama dalam tempoh lebih dari dua tahun (S3 09: 23.3%; S2 09: -23.2%). Pengeluaran inventori yang lebih rendah dan peningkatan yang berterusan dalam perbelanjaan sektor awam terus menyokong pertumbuhan. Dari segi inflasi, harga pengguna menurun pada kadar yang lebih cepat sebanyak 1.6% pada suku tersebut (S2 09: -1.1%) terutamanya disebabkan oleh harga tenaga yang lebih rendah.

Di **Jepun**, momentum pertumbuhan berterusan dengan KDNK benar berkembang pada kadar tahunan 4.8% (S2 09: 2.7%) pada suku ketiga. Pertumbuhan disokong oleh peningkatan penggunaan swasta, perbelanjaan modal dalam sektor bukan kediaman dan eksport bersih. Eksport mencatat penurunan yang lebih kecil sebanyak 34.4% (S2 09: -38.6%), disebabkan oleh peningkatan permintaan bagi E&E dan keluli dari rantau Asia. Sementara itu, dasar kerajaan, terutamanya langkah-langkah berkaitan dengan penggunaan, membantu menyokong penggunaan swasta. Yang ketara, perbelanjaan modal dalam sektor bukan kediaman telah meningkat sebanyak 6.6% (S2 09: -15.6%), iaitu pertumbuhan positif untuk pertama kali selepas mengalami penguncupan selama lima suku tahunan berturut-turut. Dari segi inflasi, harga pengguna teras (tidak termasuk makanan segar) merosot sebanyak 2.3% (S2 09: -1%), mencerminkan harga komoditi yang lebih rendah berbanding dengan paras setahun yang lalu.

Kawasan euro mengalami penguncupan pada kadar tahunan yang lebih perlahan sebanyak 4.1% (pertumbuhan sebanyak 0.4% berbanding dengan suku sebelumnya) pada suku ketiga (S2 09: -4.8%), disebabkan oleh kesan positif daripada langkah-langkah fiskal dan peningkatan permintaan luaran yang menyokong pertumbuhan ekonomi. Berasaskan suku tahunan, beberapa ekonomi termasuk dua ekonomi anggota euro terbesar, iaitu Jerman dan Perancis, terus mencatat pertumbuhan berbanding dengan suku sebelumnya disebabkan kesan positif daripada skim rebat untuk jualan kereta terpakai dan sentimen pengguna. Dari segi inflasi, harga pengguna di kawasan euro menurun sebanyak 0.4% pada suku ketiga (S2 09: 0.2%), terutamanya disebabkan oleh harga tenaga dan makanan yang lebih rendah.

Di **UK**, KDNK benar merosot pada kadar tahunan 5.2% pada suku ketiga (S2 09: -5.5%).

Negara Perindustrian: Pertumbuhan KDNK Benar

	2008		2009			Faktor penyumbang utama pertumbuhan S3
	S3	S4	S1	S2	S3	
	Perubahan tahunan (%)					
AS[1]	-2.7	-5.4	-6.4	-0.7	3.5[a]	Pertumbuhan positif dalam perbelanjaan penggunaan swasta dan pelaburan tetap sektor harta kediaman.
Jepun[1]	-6.5	-11.5	-12.2	2.7[d]	4.8[p]	Disebabkan oleh sumbangan positif daripada penggunaan swasta, pelaburan dalam sektor bukan kediaman dan eksport bersih.
Kawasan euro	0.4	-1.8	-4.9	-4.8	-4.1[p]	Disokong oleh peningkatan di Jerman dan Perancis.
UK	0.3	-1.9	-5.0	-5.5	-5.2[p]	Penguncupan menyeluruh di semua sektor ekonomi utama.

[1] Berasaskan kadar tahunan (annualised)
[a] Anggaran awal
[p] Awalan
[d] Disemak

Sumber: Pihak berkuasa negara

Ini juga merupakan penguncupan berasaskan suku tahunan bagi suku keenam berturut-turut, sekali gus menjadikan kemelesetan ekonomi ini yang terpanjang pernah dicatatkan. Sementara itu, inflasi terus menurun kepada 1.5% pada suku ketiga (S2 09: 2.1%).

Bank-bank pusat di ekonomi maju utama terus mengekalkan dasar monetari yang akomodatif dan mengambil langkah-langkah kuantitatif bagi memastikan kestabilan berterusan dalam sistem kewangan. Di **AS**, meskipun kadar *Federal Funds* dikekalkan pada 0-0.25%, perubahan telah dilakukan untuk beberapa program kredit dan pinjaman. Pada bulan Ogos, Federal Reserve (Fed) memutuskan untuk memperlahankan pembelian Sekuriti Perbendaharaan AS yang bernilai USD300 bilion secara berperingkat pada akhir bulan Oktober 2009 (tempoh akhir terdahulu: September 2009). Pada dua mesyuarat yang berikutnya, Fed mengumumkan bahawa mereka akan memperlahankan pembelian hutang agensi dan sekuriti bersandarkan gadai janji (mortgage-backed securities) menjelang akhir suku pertama 2010 (tempoh akhir terdahulu: akhir tahun 2009). Fed juga mengurangkan jumlah maksimum pembelian hutang agensi kepada USD175 bilion (daripada USD200 bilion), tetapi mengekalkan jumlah maksimum pembelian sekuriti bersandarkan gadai janji pada USD1.25 trilion. Di Jepun, kadar panggilan semalaman tidak bercagar terus tidak berubah pada 0.1%. Namun, **Bank of Japan** melanjutkan kemudahan pemberian pinjaman khas untuk menyediakan dana pada kadar 0.1% hingga bulan Mac 2010 (tempoh akhir terdahulu: Disember 2009). Walaupun mengekalkan kadar pinjaman asasnya pada 0.5%, **Bank of England** menambah lagi pembelian kertas komersial, bon korporat dan *gilt* di bawah *Asset Purchase Facility* masing-masing sebanyak £50 bilion dan £25 bilion pada bulan Ogos dan November, menjadikan jumlah kemudahan ini sebanyak £200 bilion. Sementara itu, **European Central Bank** telah membeli bon terlindung (covered bond) sejak bulan Julai, di samping mengekalkan kadar pembiayaan semula pada 1%.

Pada suku ketiga, harga **minyak mentah**[2] meningkat kepada paras tertinggi USD74 setong dalam tempoh 10 bulan pada pertengahan bulan Ogos, didorong terutamanya oleh kesanggupan untuk mengambil risiko yang lebih tinggi dalam kalangan pelabur dan jangkaan pemulihan yang kukuh dalam permintaan global. Walau bagaimanapun, harga minyak mentah jatuh di bawah paras USD70 setong pada separuh kedua suku ketiga, berikutan kebimbangan terhadap kekukuhan pemulihan ekonomi. Harga minyak mentah berpurata di sekitar USD68 setong pada suku tersebut (S2 09: USD60 setong).

Di **rantau Asia**, ekonomi RR China dan Indonesia terus berkembang pada kadar yang lebih kukuh masing-masing sebanyak 8.9% (S2 09: 7.9%) dan 4.2% (S2 09: 4%), manakala

[2] Merujuk kepada harga WTI niaga hadapan satu bulan di pasaran NYMEX

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2008		2009			Faktor penyumbang utama pertumbuhan S3
	S3	S4	S1	S2	S3	
	Perubahan tahunan (%)					
RR China	9.0	6.8	6.1	7.9	8.9	Disokong oleh aktiviti penggunaan dan pelaburan yang kukuh.
Singapura	0.0	-4.2	-9.5	-3.3[d]	0.6	Disokong oleh perkembangan berterusan dalam bioperubatan dan pengeluaran elektronik.
Korea	3.1	-3.4	-4.2	-2.2	0.6[a]	Disokong oleh permintaan dalam negeri yang lebih kukuh.
Indonesia	6.4	5.2	4.4	4.0	4.2	Disokong oleh perbelanjaan Kerajaan dan penggunaan swasta.
Hong Kong SAR	1.5	-2.6	-7.8	-3.6[d]	-2.4	Disokong oleh peningkatan dalam permintaan dalam negeri.

[a] Anggaran awal
[d] Disemak

Sumber: Pihak berkuasa negara

Hong Kong SAR mencatat penguncupan yang lebih perlahan sebanyak 2.4% (S2 09: -3.6%). Sementara itu, Singapura dan Korea mencatat pertumbuhan tahunan positif untuk pertama kali masing-masing sebanyak 0.6% (S2 09: -3.3%) dan 0.6% (S2 09: -2.2%) berikutan permintaan dalam negeri yang kukuh dan peningkatan eksport yang menyeluruh. Permintaan dalam negeri di rantau ini bertambah pesat, terutamanya penggunaan swasta, kesan daripada langkah-langkah fiskal, keyakinan pengguna yang bertambah baik dan keadaan pasaran pekerja yang stabil. Perdagangan antara rantau yang lebih kukuh juga terus memberikan sokongan kepada pertumbuhan ekonomi serantau. Dengan kadar inflasi diramalkan berada pada paras yang rendah dan proses pemulihan masih berada pada tahap awal, kebanyakan bank pusat di rantau ini terus mengekalkan dasar monetari yang akomodatif. **Bangko Sentral ng Pilipinas** mengurangkan kadar dasarnya sebanyak 25 mata asas pada bulan Julai, sementara **Bank Indonesia** menurunkan kadar dasarnya sebanyak 25 mata asas masing-masing pada bulan Julai dan Ogos.

Dalam **pasaran pertukaran asing**, semua mata wang utama kecuali paun sterling bertambah kukuh berbanding dengan dolar AS pada suku ketiga. Euro menambah nilai berbanding dengan dolar AS pada suku itu disebabkan kesanggupan untuk mengambil risiko yang meningkat berikutan terdapat tanda-tanda ekonomi global yang semakin pulih.

Sementara itu, yen Jepun bertambah kukuh berbanding dengan dolar AS, mencerminkan aliran pengiriman balik dana yang bermusim ke Jepun, sebelum berakhirnya separuh pertama tahun fiskal mereka. Pengiriman balik ini juga didorong oleh firma-firma yang mengambil kesempatan daripada pengecualian cukai ke atas dividen yang diterima daripada syarikat subsidiari luar negeri yang berkuat kuasa pada bulan April 2009. Sebaliknya, paun sterling menyusut nilai berbanding dengan dolar AS berikutan jangkaan bahawa pemulihan ekonomi maju yang lain akan mendahului pemulihan ekonomi di UK. Mata wang serantau juga menambah nilai berbanding dengan dolar AS pada suku ketiga berikutan sentimen pelabur yang bertambah baik terhadap prospek pertumbuhan yang lebih kukuh di rantau ini berbanding dengan ekonomi maju.

Melangkah ke hadapan, keadaan ekonomi global dijangka terus bertambah baik disebabkan sebahagian besar langkah dasar yang menyokong permintaan masih dilaksanakan. Walaupun risiko terhadap pertumbuhan telah reda dalam beberapa bulan kebelakangan ini, kadar pemulihan dalam ekonomi global akan berlaku secara beransur-ansur dan tidak menyeluruh disebabkan prospek pertumbuhan masih tidak menentu. Pemulihan yang kukuh agak terhad oleh masalah-masalah dalam ekonomi maju kerana sektor-sektor kewangan, bukan kewangan dan isi rumah terus memperbaik kedudukan kewangan masing-masing dalam keadaan kewangan yang ketat.

PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Momentum pemulihan ekonomi semakin nyata pada suku ketiga

Ekonomi Malaysia bertambah baik pada suku ketiga dengan mencatat penguncupan yang lebih kecil sebanyak 1.2% (S2 09: -3.9%), dalam keadaan pertumbuhan permintaan dalam negeri yang positif dan permintaan luar negeri yang stabil. Pertumbuhan didorong terutamanya oleh permintaan dalam negeri, hasil daripada penggunaan swasta yang lebih kukuh dan perbelanjaan sektor awam yang lebih tinggi. Sementara itu, ekonomi global yang bertambah baik, terutamanya ekonomi serantau, membantu menstabilkan sektor luaran. Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi, kecuali pertanian, mencatat prestasi yang lebih baik.

Permintaan dalam negeri mencatat pertumbuhan positif

Permintaan dalam negeri mencatat pertumbuhan positif 0.4% pada suku ketiga (S2 09: -2.2%), dipacu oleh pertumbuhan penggunaan swasta dan perbelanjaan sektor awam yang lebih kukuh.

Penggunaan swasta meningkat sebanyak 1.5% pada suku ketiga (S2 09: 0.5%), disebabkan keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik dan paras harga lebih rendah menyokong perbelanjaan pengguna. Di samping itu, pelbagai promosi yang diadakan semasa musim perayaan juga menggalakkan perbelanjaan isi rumah. Indeks Sentimen Pengguna Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) terus melebihi paras nilai ambang 100 mata (105.4 mata; S2 09: 105.8 mata), menunjukkan bahawa keyakinan pengguna terus positif. Pemulihan dalam perbelanjaan penggunaan swasta dicerminkan oleh penunjuk utama pengguna yang bertambah baik, seperti jualan kereta penumpang, pinjaman bank untuk isi rumah dan perbelanjaan kad kredit.

Sementara itu, **penggunaan awam** terus berkembang, mencatat pertumbuhan sebanyak 10.9% pada suku ketiga disebabkan perbelanjaan emolumen yang lebih tinggi.

Pembentukan modal tetap kasar mencatat penguncupan yang lebih rendah sebanyak 7.9% pada suku ketiga (S2 09: -9.6%), disokong oleh aktiviti perbelanjaan modal sektor awam yang terus kukuh dan peningkatan kecil dalam perbelanjaan sektor perniagaan. Meskipun perbelanjaan modal sektor swasta pada umumnya masih lemah, beberapa penunjuk pelaburan seperti import barangan modal, jualan kenderaan komersial dan pengeluaran produk

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2000)

	2008		2009		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	6.6	2.8	-2.9	-2.2	*0.4*
Penggunaan	7.9	7.1	-0.2	*0.6*	*3.3*
Sektor swasta	*8.2*	*5.3*	*-0.7*	*0.5*	*1.5*
Sektor awam	*6.4*	*12.7*	*2.1*	*1.0*	*10.9*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	3.1	-10.2	-10.8	-9.6	*-7.9*
Eksport Bersih	-15.9	-39.5	39.1	-0.7	*-16.9*
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*4.5*	*-13.3*	*-15.2*	*-17.3*	*-13.4*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*7.7*	*-10.2*	*-23.5*	*-19.7*	*-12.9*
KDNK	**4.8**	**0.1**	**-6.2**	**-3.9**	**-1.2**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sentimen perniagaan dan pengguna bertambah baik



Sumber: MIER

yang berkaitan dengan pembinaan menguncup dengan lebih perlahan pada suku ketiga. Selain itu, keadaan perniagaan terus bertambah baik, seperti yang dicerminkan oleh Indeks Keadaan Perniagaan MIER yang lebih tinggi (113.7 mata; S2 09: 105.2 mata). Sementara itu, perbelanjaan modal sektor awam terus menyokong ekonomi dalam negeri pada suku ketiga dan sebahagian besar perbelanjaan pembangunan disalurkan kepada sektor pertanian dan pembangunan luar bandar, pendidikan dan pengangkutan.

Prestasi semua sektor bertambah baik kecuali sektor pertanian

Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi, kecuali pertanian, mencatat prestasi yang lebih baik pada suku itu. Sektor perkhidmatan terus berkembang, terutamanya disokong oleh peningkatan dalam subsektor perdagangan borong dan runcit, kewangan dan insurans, dan harta tanah dan perkhidmatan perniagaan. Pertumbuhan sektor pembinaan lebih tinggi, berikutan pelaksanaan projek-projek pembinaan yang semakin pesat di bawah pakej rangsangan. Dalam sektor perkilangan, nilai ditambah merosot pada kadar yang lebih perlahan berikutan penguncupan dalam industri berorientasikan eksport yang terus menjadi sederhana disebabkan oleh permintaan luaran yang stabil sementara peningkatan dalam industri yang berorientasikan dalam negeri didorong oleh aktiviti dalam kelompok industri berkaitan pembinaan dan pengguna yang lebih tinggi. Penguncupan sektor perlombongan juga lebih lega sedikit. Sementara itu, nilai ditambah sektor pertanian merosot disebabkan terutamanya oleh pengeluaran tanaman industri yang lebih rendah.

KDNK Suku Tahunan Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2000)

	2008		2009		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	3.3	0.5	-4.3	0.3	-0.5
Perlombongan	-0.3	-5.7	-5.2	-3.6	-3.5
Perkilangan	1.8	-8.8	-17.9	-14.5	-8.6
Pembinaan	1.2	-1.6	1.1	4.5	7.9
Perkhidmatan	7.1	5.7	-0.2	1.6	3.4
KDNK Benar (Perubahan Tahunan)	**4.8**	**0.1**	**-6.2**	**-3.9**	**-1.2**
KDNK Benar (Perubahan Berbanding dengan Tempoh Sebelumnya)	**2.8**	**-3.4**	**-7.8**	**4.8**	**5.7**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan lebih tinggi dalam sektor perkhidmatan

Sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 3.4%, didorong oleh peningkatan perbelanjaan pengguna dan sentimen perniagaan pada suku ketiga. Pertumbuhan yang menyeluruh adalah ketara terutamanya dalam subsektor perdagangan borong dan runcit, kewangan dan insurans, dan harta tanah dan perkhidmatan perniagaan.

Subsektor **perdagangan borong dan runcit** berkembang pada suku kedua berturut-turut, mencatat pertumbuhan 2.2%, sejajar dengan peningkatan dalam perbelanjaan pengguna dan ketibaan pelancong yang lebih tinggi. Subsektor **kewangan dan insurans** juga berkembang sebanyak 3.5%, disokong terutamanya oleh pendapatan faedah bersih dan pungutan premium insurans yang lebih tinggi. Subsektor **harta tanah dan perkhidmatan perniagaan** juga terus bertambah baik dalam keadaan aktiviti berkaitan pasaran modal yang kukuh. Selepas mengalami kemerosotan selama tiga suku tahunan berturut-turut, subsektor utiliti mencatat pertumbuhan posiitf 1.4% ekoran permintaan terhadap elektrik yang lebih tinggi oleh pengguna komersial dan perindustrian. Dalam subsektor **pengangkutan dan penyimpanan**, kemerosotan nilai ditambah lebih kecil disebabkan peningkatan dalam segmen yang berkaitan dengan penumpang dan kargo sejajar dengan aktiviti perdagangan antarabangsa yang stabil.

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga malar tahun 2000)

	Bahagian 2008 (%)	2008		2009		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan Pengantara	**43.3**	**6.2**	**2.6**	**-0.7**	**2.2**	**3.1**
Kewangan & insurans	20.0	10.0	3.5	1.2	3.3	3.5
Harta tanah & perkhidmatan perniagaan	9.4	-2.0	-0.6	-6.7	3.3	4.9
Pengangkutan & penyimpanan	7.0	5.9	1.0	-4.0	-6.4	-3.5
Komunikasi	7.0	7.4	6.3	4.9	5.8	6.1
Perkhidmatan Akhir	**56.7**	**7.8**	**7.9**	**0.3**	**1.2**	**3.7**
Utiliti	5.3	2.5	-2.6	-8.1	-1.1	1.4
Perdagangan borong & runcit	23.2	9.4	5.9	-1.7	0.4	2.2
Penginapan & restoran	4.4	4.7	7.4	2.1	2.9	3.8
Perkhidmatan Kerajaan	13.4	10.5	18.2	2.8	0.5	7.4
Perkhidmatan lain	10.4	5.3	5.3	5.2	4.5	3.8
Jumlah Perkhidmatan	**100.0**	**7.1**	**5.7**	**-0.2**	**1.6**	**3.4**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2008		2009		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Indeks				
Indeks Sentimen Pengguna MIER	88.9	71.4	78.9	105.8	105.4
Indeks Perdagangan Runcit MIER	116.5	52.7	52.3	76.3	100.7
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	109.2	94.0	78.1	75.8	88.7
	Perubahan tahunan (%)				
Ketibaan pelancong	8.2	7.5	2.2	4.7	12.4
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	2.7	2.1	-4.6	5.2	10.4
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	9.7	8.9	8.5	6.8	6.6
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	14.0	9.0	3.5	-1.8	-4.1
Import barangan penggunaan	16.2	4.5	-4.3	-8.3	-4.3
Jumlah jualan kenderaan bermotor	10.5	-8.3	-9.2	-11.5	-3.6
Kargo kontena yang dikendali (Pelabuhan Klang dan PTP)	16.4	-3.9	-10.6	-6.4	-1.7

Sumber: Pelbagai sumber

Sektor perkilangan terus bertambah baik

Nilai ditambah dalam **sektor perkilangan** merosot pada kadar yang lebih perlahan pada suku ketiga (-8.6%; S2 09: -14.5%), mencerminkan permintaan luar negeri yang stabil dan persekitaran dalam negeri yang bertambah baik.

Prestasi **industri berorientasikan eksport** menjadi stabil, dengan penguncupan yang sederhana dalam pengeluaran E&E dan kelompok berkaitan perusahaan utama.

Prestasi **kelompok E&E** yang bertambah baik disokong oleh peningkatan permintaan luar negeri, terutamanya dari rantau ini, dan juga aktiviti penambahan semula inventori, sementara peningkatan dalam permintaan bagi produk petroleum dan getah menyumbang kepada penguncupan yang lebih kecil dalam pengeluaran **kelompok barangan induk**.

Peningkatan dalam **industri yang berorientasikan dalam negeri** disebabkan oleh prestasi **kelompok berkaitan pembinaan** yang lebih baik, didorong oleh aktiviti pembinaan dalam negeri yang lebih tinggi.

Prestasi Sektor Perkilangan

	2008		2009		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan Tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2000)	**1.8**	**-8.8**	**-17.9**	**-14.5**	**-8.6**
Pengeluaran Keseluruhan[1]	**1.7**	**-11.1**	**-18.8**	**-14.9**	**-9.0**
Industri berorientasikan eksport	**-0.4**	**-13.4**	**-20.4**	**-16.4**	**-10.0**
Kelompok elektronik dan barangan elektrik	**-0.8**	**-22.5**	**-35.4**	**-31.0**	**-22.9**
Antaranya:					
Elektronik	-4.1	-27.8	-36.3	-34.9	-23.2
Barangan elektrik	6.7	-8.2	-33.2	-21.5	-22.2
Kelompok barangan induk	**0.0**	**-6.8**	**-10.8**	**-6.6**	**-1.0**
Antaranya:					
Bahan kimia dan keluaran kimia	-0.9	-15.0	-17.6	-2.7	-1.3
Keluaran petroleum	1.0	2.0	2.9	-5.4	6.5
Keluaran getah	2.0	2.1	-21.2	-7.5	2.4
Pemprosesan luar estet	3.0	-0.2	-8.0	-4.5	-5.1
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**9.7**	**-2.0**	**-12.4**	**-9.4**	**-5.3**
Kelompok barangan berkaitan pembinaan	**4.7**	**-8.3**	**-21.3**	**-16.5**	**-8.3**
Antaranya:					
Keluaran berkaitan pembinaan	2.4	-10.7	-29.3	-22.9	-15.2
Keluaran logam yang direka	8.2	-4.4	-7.6	-6.8	1.8
Kelompok barangan pengguna	**14.0**	**3.1**	**-5.4**	**-3.5**	**-2.9**
Antaranya:					
Kelengkapan pengangkutan	30.3	18.4	-10.7	-13.5	-15.8
Makanan, minuman & keluaran tembakau	8.4	-2.3	-4.8	-0.3	0.6

[1]Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan*



* Mulai tahun 2009, penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula daripada nilai tambah tahun 2004 kepada nilai tambah tahun 2006

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia and Bank Negara Malaysia

Pengeluaran **kelompok berkaitan pengguna** juga meningkat, disebabkan pertumbuhan positif dalam industri makanan, minuman dan produk tembakau.

Kadar penggunaan kapasiti keseluruhan dalam sektor perkilangan meningkat kepada 73% pada suku ketiga (S2 09: 70%), mencerminkan peningkatan pengeluaran. Industri berorientasikan eksport dan berorientasikan dalam negeri masing-masing beroperasi pada 76% dan 62% daripada jumlah keseluruhan kapasiti (S2 09: masing-masing 73% dan 59%).

Prestasi lemah dalam sektor pertanian

Sektor pertanian menguncup sebanyak 0.5% pada suku ketiga disebabkan terutamanya oleh pengeluaran tanaman industri yang lebih rendah seperti kelapa sawit dan getah. Pengeluaran kelapa sawit yang lebih rendah sebahagiannya disebabkan oleh kegiatan penanaman semula, manakala pengeluaran getah yang lebih rendah disebabkan keadaan cuaca yang buruk pada suku tersebut. Sementara itu, **sektor perlombongan** menguncup sebanyak 3.5%, disebabkan oleh pengeluaran minyak dan gas asli yang lebih rendah ekoran penutupan beberapa telaga minyak dan gas untuk tujuan penyenggaraan.

Pertumbuhan lebih tinggi dalam sektor pembinaan

Pertumbuhan dalam **sektor pembinaan** bertambah kukuh kepada 7.9% pada suku ketiga didorong oleh segmen bukan kediaman berikutan pelaksanaan projek-projek di bawah pakej rangsangan seperti pembinaan sekolah dan hospital, serta pembinaan ruang pejabat khas yang berterusan. Pertumbuhan turut disokong oleh segmen kejuruteraan awam, mencerminkan kemajuan seterusnya dalam pelaksanaan projek-projek infrastruktur. Segmen kediaman disokong terutamanya oleh pembinaan rumah kos rendah oleh Kerajaan.

Prestasi Sektor Pertanian

	2008		2009		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2000)	**3.3**	**0.5**	**-4.3**	**0.3**	**-0.5**
Tanaman Industri	**0.4**	**-3.1**	**-13.9**	**-5.1**	**-5.1**
Tanaman Makanan	**7.5**	**5.8**	**9.2**	**7.9**	**5.5**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak sawit mentah	4.9	3.6	-3.9	-3.0	-4.1
Getah	-4.4	-29.7	-39.3	-21.7	-24.8
Ikan	10.7	7.1	13.2	14.4	0.5
Ternakan	9.9	3.0	-4.6	-0.4	2.1[1]

[1] Julai-Ogos 2009

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
Lembaga Getah Malaysia (LGM)
Jabatan Perikanan, Malaysia
Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia
Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	2008		2009		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2000)	**-0.3**	**-5.7**	**-5.2**	**-3.6**	**-3.5**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat	1.9	-5.9	-5.6	-1.8	-4.8
Gas asli	4.0	-1.5	-7.2	-6.5	-2.6

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk bagi Sektor Pembinaan

	2008		2009		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Permit jualan dan pengiklanan baharu	-30.1	-47.8	-25.5	-9.1	28.4
Kelulusan perumahan	-51.5	-53.8	-30.2	-17.4	29.3
Pengeluaran[1] bahan berkaitan pembinaan	4.7	-8.3	-21.3	-16.5	-8.3
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	-13.4	-25.2	-48.2	-26.1	-6.2
Import bahan pembinaan dan bahan galian	5.2	-10.0	-17.1	-5.0	-0.4[2]

[1] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)
[2] Julai-Ogos 2009

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Harga merosot pada kadar tahunan

Kadar inflasi, seperti yang diukur melalui perubahan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), merosot pada kadar tahunan -2.3% pada suku ketiga 2009 (S2 09: 1.3%). Penurunan harga pengguna sebahagian besarnya disebabkan oleh kesan kumulatif pelarasan harga runcit bahan api sejak berlakunya kenaikan harga pada bulan Jun 2008. Harga dalam kategori *pengangkutan* merosot pada kadar tahunan 18.5% (S2 09: -8.2%), yang menyebabkan inflasi menjadi lebih rendah kira-kira 3.5 mata peratusan. Tekanan harga pengguna terus menjadi sederhana meliputi semua sektor. Kecuali kategori *perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan*, semua kategori IHP yang lain mencatat kadar inflasi lebih rendah berbanding dengan suku sebelumnya. Inflasi dalam kategori makanan dan minuman tanpa alkohol menjadi sederhana kepada 1.5% pada suku tersebut (S2 09: 5.3%), disebabkan kesan asas yang tinggi (base effect) berikutan kenaikan harga makanan pada tahun 2008.

Harga pengeluar, seperti yang diukur melalui Indeks Harga Pengeluar (IHPR) merosot pada kadar tahunan yang lebih perlahan sedikit, iaitu 10.8% pada suku ketiga (S2 09: -11%). Ini mencerminkan kesan asas yang semakin luput yang berpunca daripada harga komoditi yang tinggi pada separuh pertama tahun 2008. Kadar penurunan harga bagi komponen IHPR berasaskan komoditi stabil pada 26.4% (S2 09: -28.3%). Sebaliknya, harga bagi komponen IHPR bukan berasaskan komoditi merosot pada kadar yang lebih cepat sebanyak 2.9% (S2 09: -2.1%).

Dari segi komposisi, komponen tempatan dan import IHPR mencatat kemerosotan harga yang lebih perlahan. Harga bagi komponen tempatan IHPR merosot sebanyak 14.4% (S2 09: -14.5%), manakala harga bagi komponen import IHPR merosot sebanyak 2.9% (S2 09: -3.1%).

Sumbangan kepada Inflasi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Keadaan pasaran pekerja bertambah baik

Keadaan pasaran pekerja bertambah baik pada suku ketiga berikutan jumlah pemberhentian pekerja menurun dengan mendadak dan peluang pekerjaan meningkat dengan ketara. Pemberhentian pekerja menurun kepada 2,879 orang (S2 09: 7,470 orang), mencerminkan pemberhentian pekerja yang lebih rendah di semua sektor. Pemberhentian pekerja dalam sektor perkilangan, khususnya, menurun sebanyak 73% kepada 1,411 orang berbanding dengan suku sebelumnya, disebabkan pemberhentian pekerja yang lebih rendah terutamanya dalam industri E&E (664 orang; S2 09: 2,630 orang).

Pada suku itu, bilangan kekosongan jawatan yang dilaporkan melalui Bursa Buruh Elektronik juga bertambah (474,781 jawatan; S2 09: 317,996 jawatan) dengan peluang pekerjaan yang lebih tinggi dalam semua sektor, kecuali pertanian. Jawatan kosong dalam sektor perkilangan meningkat dengan nyata, mencakupi hampir separuh daripada jumlah kekosongan yang ada. Sementara itu, upah benar setiap pekerja dalam sektor perkilangan meningkat sebanyak 7.2% (S2 09: 0.6%), berikutan meningkatnya jumlah waktu bekerja.

Penurunan perdagangan luar negara menjadi sederhana

Eksport kasar mencatat penguncupan lebih kecil sebanyak 22.3% pada suku ketiga, disebabkan oleh permintaan luar negeri yang stabil dan kenaikan harga minyak mentah. Peningkatan eksport, penambahan semula inventori secara berterusan dan keadaan permintaan dalam negeri yang bertambah baik menyebabkan import menurun pada kadar lebih sederhana sebanyak 18.3%. Oleh itu, lebihan dagangan berjumlah RM26.7 bilion.

Kadar penguncupan **eksport perkilangan** reda, mencerminkan kemerosotan lebih perlahan dalam eksport keluaran elektronik dan elektrik (electronics and electrical, E&E) dan keluaran bukan E&E. Penguncupan eksport E&E lebih kecil disebabkan oleh permintaan dari pasaran

Keadaan Pasaran Pekerja



* Mencerminkan pelarasan pemberhentian pekerja bagi S3 2008
Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Prestasi Perdagangan Luar Negeri



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Akaun Perdagangan

	2008[1]		2009[1]		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Eksport Kasar	**16.8**	**-7.5**	**-20.0**	**-26.3**	**-22.3**
Perkilangan	8.5	-11.2	-18.0	-20.5	-16.0
E&E	*4.5*	*-16.2*	*-19.0*	*-22.9*	*-16.1*
Bukan E&E	*14.2*	*-4.3*	*-16.9*	*-17.3*	*-15.9*
Komoditi	48.1	6.1	-23.8	-40.6	-37.5
Pertanian	*37.5*	*-10.6*	*-28.1*	*-29.6*	*-31.6*
Mineral	*55.8*	*16.9*	*-21.1*	*-47.5*	*-41.3*
Import Kasar	**10.1**	**-12.2**	**-29.0**	**-23.8**	**-18.3**
Barangan modal	-2.3	-13.4	-7.8	-18.4	-12.5
Barangan pengantara	17.2	-12.2	-34.9	-27.0	-22.7
Barangan penggunaan	16.2	4.5	-4.3	-8.3	-4.3
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**41.8**	**32.7**	**32.7**	**26.5**	**26.7**

[1]Pengelasan perdagangan Malaysia disemak pada April 2008 untuk mencerminkan perubahan dalam kod perdangangan antarabangsa iaitu *Harmonised System* (HS), *ASEAN Harmonized Tariff Nomenclature* (AHTN) dan *Standard International Trade Classification* (SITC)

Sumber: MATRADE dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Malaysia: Destinasi Eksport

	2008		2009			2008		2009		
	S3	S4	S1	S2	S3	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)					Bahagian daripada jumlah eksport (%)				
Amerika Syarikat	**-9.9**	**-23.1**	**-31.0**	**-35.1**	**-30.4**	**11.9**	**11.9**	**11.1**	**11.5**	**10.7**
Kesatuan Eropah (EU)	**1.0**	**-14.2**	**-28.0**	**-26.4**	**-24.8**	**11.1**	**11.6**	**10.7**	**10.7**	**10.7**
Negara ASEAN terpilih[1]	**20.7**	**-15.0**	**-26.8**	**-24.1**	**-23.5**	**25.8**	**24.2**	**24.4**	**26.2**	**25.4**
Negara Timur Laut Asia	**26.7**	**-18.3**	**-5.9**	**-22.1**	**-9.0**	**21.2**	**18.1**	**22.3**	**23.0**	**24.9**
Republik Rakyat China	*35.4*	*-18.4*	*-1.8*	*-16.1*	*-2.8*	*10.7*	*8.4*	*10.2*	*11.8*	*13.3*
Hong Kong SAR	*9.3*	*-22.7*	*3.5*	*-23.8*	*2.2*	*4.3*	*4.0*	*4.7*	*5.2*	*5.7*
China Taipei	*14.2*	*-22.1*	*-18.4*	*-29.6*	*-12.5*	*2.6*	*2.2*	*2.4*	*2.5*	*2.9*
Korea	*38.1*	*-9.9*	*-14.2*	*-31.2*	*-38.2*	*3.6*	*3.6*	*5.0*	*3.5*	*2.9*
Asia Barat	**54.6**	**29.3**	**-12.7**	**-14.7**	**-29.4**	**4.5**	**4.0**	**3.7**	**4.4**	**4.1**
India	**19.1**	**9.8**	**-14.9**	**-38.9**	**-39.9**	**3.7**	**4.0**	**3.7**	**3.1**	**2.8**
Jumlah eksport	**16.8**	**-7.5**	**-20.0**	**-26.3**	**-22.3**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

[1]Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

utama yang telah pulih, terutamanya RR China yang mencatat pertumbuhan positif. Permintaan yang meningkat bagi keluaran akhir seperti komputer peribadi dan telefon mudah alih menyokong eksport barangan elektronik ke Asia Timur. Walau bagaimanapun, permintaan bagi keluaran elektronik pengguna dan telekomunikasi yang lebih rendah menyebabkan penguncupan yang lebih besar dalam eksport barangan elektrik. Sementara itu, peningkatan eksport keluaran bukan E&E dipacu oleh permintaan yang lebih tinggi untuk keluaran kimia dan jentera dari Jepun dan rantau ini. Penguncupan **eksport komoditi** juga sederhana, disebabkan oleh pertambahan eksport mineral lebih daripada mengimbangi penurunan yang lebih ketara dalam eksport pertanian. Peningkatan eksport mineral disebabkan oleh harga minyak mentah yang lebih tinggi dan jumlah eksport LNG yang lebih menggalakkan, manakala eksport pertanian pula terjejas oleh unit penghantaran minyak sawit yang lebih rendah, mencerminkan penambahan stok minyak makan di negara pengguna.

Import kasar menurun pada kadar yang lebih perlahan dalam semua kategori, dan aliran import barangan pengantara adalah sejajar dengan pemulihan eksport perkilangan. Import barangan akhir yang lebih tinggi juga mencerminkan penggunaan swasta dalam negeri yang meningkat.

Pelaburan portfolio pulih dan mencatat aliran masuk bersih manakala aliran masuk FDI menjadi sederhana

Pada asas tunai, aliran masuk kasar **pelaburan langsung asing** (foreign direct investment, FDI)[3] menjadi sederhana kepada RM6.2 bilion pada suku ketiga (S2 09: RM9.1 bilion). Setelah mengambil kira aliran keluar, yang disebabkan terutamanya oleh bayaran balik pinjaman kepada syarikat induk, FDI bersih berjumlah RM2.1 bilion (S2 09: RM6.5 bilion). Pada suku ketiga, FDI disalurkan terutamanya kepada sektor perkilangan dan perkhidmatan khususnya industri E&E; subsektor perdagangan borong dan runcit; dan subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan.

Pelaburan langsung bersih luar negeri oleh syarikat Malaysia meningkat kepada RM3.4 bilion pada suku ketiga (S2 09: -RM2.1 bilion); iaitu sebahagian besar pelaburan ini adalah dalam sektor perkhidmatan. **Pelaburan portfolio** pulih dan mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM8.8 bilion pada suku ketiga (S2 09: -RM13.6 bilion). Aliran masuk dana portfolio sebahagian besarnya mencerminkan penyertaan asing yang kukuh dalam bon yang diterbitkan di luar negeri oleh perusahaan awam bukan kewangan (non-financial public enterprise, NFPE) dalam sektor minyak dan gas.

[3] Statistik bagi FDI pada asas tunai tidak mengambil kira perolehan tertahan dan pelaburan dalam bentuk jentera dan kelengkapan yang diimport.

Hutang luar negeri terus boleh diurus

Pada akhir bulan September 2009, hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM241 bilion atau USD68.5 bilion (akhir bulan Jun 2009: RM233.2 bilion atau USD65.5 bilion). Jumlah ini bersamaan dengan 35.4% daripada Pendapatan Negara Kasar. **Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang** bertambah kepada RM159.9 bilion, disebabkan terutamanya oleh ambilan bersih yang banyak oleh sebuah NFPE dalam sektor minyak dan gas. Sementara itu, Kerajaan Persekutuan dan sektor swasta masing-masing mencatat pembayaran balik bersih sebanyak RM0.6 bilion, berikutan kematangan bon dan pembayaran balik pinjaman pokok mengikut jadual.

Jumlah **hutang luar negeri jangka pendek** terus merosot kepada RM81.1 bilion atau USD23.1 bilion disebabkan oleh aktiviti peminjaman antara bank yang menjadi sederhana. Pada akhir bulan September 2009, hutang jangka pendek mencakupi 33.7% daripada jumlah hutang luar negeri dan 24.3% daripada rizab antarabangsa bersih.

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2008	2009	
	akhir Sept	akhir Jun	akhir Sept[a]
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana dan panjang	149.1	146.9	159.9
Sektor awam	77.8	72.9	87.1
Sektor swasta	71.3	74.0	72.8
Hutang jangka pendek[1]	102.2	86.3	81.1
Jumlah hutang luar negeri	251.4	233.2	241.0
bersamaan USD bilion	72.0	65.5	68.5

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit miliki bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Nota: Mulai akhir Mac 2008, hutang luar negeri jangka pendek merujuk kepada takrifan baharu hutang luar negeri, yang mengambil kira entiti luar pesisir di Pusat Perniagaan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC) sebagai pemastautin

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM334.3 bilion (bersamaan dengan USD96 bilion) pada 30 September 2009. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perolehan daripada penilaian semula pertukaran asing berikutan pengukuhan beberapa mata wang utama berbanding dengan ringgit pada suku itu. Pada 13 November 2009, rizab sebahagian besarnya kekal tidak berubah pada RM334.8 bilion (bersamaan dengan USD96.1 bilion) dan memadai untuk membiayai 9.9 bulan import tertangguh dan ialah 4.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Defisit fiskal lebih rendah

Kerajaan Persekutuan mencatat defisit fiskal yang lebih rendah sebanyak RM7.8 bilion atau 4.5% daripada KDNK pada suku ketiga (S2 09: -7.5% daripada KDNK). Jumlah perbelanjaan menurun sebanyak 5.4% pada suku ketiga kepada RM48.7 bilion berbanding dengan RM51.5 bilion pada suku sebelumnya. Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh geran dan pindahan yang lebih rendah kepada badan berkanun. Sementara itu, hasil meningkat dengan sederhana disebabkan oleh kutipan hasil berkaitan minyak yang lebih tinggi. Defisit fiskal dibiayai melalui peminjaman dalam negeri. Pada akhir bulan September 2009, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan berjumlah RM354.3 bilion atau 51.2% daripada KDNK yang diunjurkan bagi tahun 2009.

Kewangan Kerajaan Persekutuan



[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

Kewangan Kerajaan Persekutuan

	2008		2009[a]		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
Hasil	45.7	46.3	35.9	39.4	40.8
% pertumbuhan	37.3	-3.9	28.3	-1.2	-10.6
Perbelanjaan mengurus	41.4	48.9	34.4	39.4	37.1
% pertumbuhan	22.7	13.8	12.9	19.8	-10.2
Akaun semasa	**4.3**	**-2.6**	**1.5**	**0.0**	**3.7**
% daripada KDNK	***2.2***	***-1.4***	***1.0***	***0.0***	***2.1***
Perbelanjaan pembangunan kasar	12.5	16.0	8.2	12.1	11.6
% pertumbuhan	16.2	-12.0	55.4	34.9	-7.4
Imbangan keseluruhan	**-7.8**	**-18.2**	**-6.7**	**-12.1**	**-7.8**
% daripada KDNK	***-3.9***	***-10.3***	***-4.3***	***-7.5***	***-4.5***
Memo:					
Jumlah perbelanjaan kasar	53.9	64.9	42.6	51.5	48.7
% pertumbuhan	*21.1*	*6.2*	*19.2*	*23.0*	*-9.6*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	288.1	306.4	317.1	335.7	354.3
% daripada KDNK	*39.0*	*41.5*	*45.8*	*48.5*	*51.2*
Hutang dalam negeri	268.7	286.1	297.0	321.5	340.4
% daripada KDNK	*36.4*	*38.7*	*42.9*	*46.5*	*49.2*
Hutang luar negeri	19.4	20.3	20.2	14.3	13.9
% daripada KDNK	*2.6*	*2.8*	*2.9*	*2.1*	*2.0*

[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah stabil

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) terus tidak berubah pada 2.00% pada suku ketiga, sejajar dengan penilaian bahawa pelonggaran dasar monetari secara kumulatif akan memberikan sokongan yang mencukupi kepada aktiviti ekonomi dalam jangka sederhana.

Sejajar dengan OPR yang tidak berubah, kadar faedah antara bank semalaman purata adalah stabil, bergerak dalam julat kecil 1.99% hingga 2.01% pada tempoh 1 Julai – 13 November 2009. Kadar faedah antara bank bagi tempoh matang lain juga stabil.

Dari segi kadar pinjaman runcit, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan secara relatif tidak berubah pada 5.51%. Walau bagaimanapun, kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) bagi pinjaman terkumpul terus menurun pada suku ketiga kepada tahap terendah dalam sejarah pada 4.91% pada bulan September 2009. Trend menurun yang berterusan dalam ALR bagi pinjaman terkumpul mencerminkan kontrak pinjaman baharu pada kadar yang lebih rendah berikutan penurunan OPR, sementara pinjaman sedia ada yang lebih mahal pula telah dibayar balik.

Kadar Faedah

	2008	2009	
	S3	S2	S3
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	3.50	2.00	2.00
Kadar antara bank			
Semalaman	3.49	1.99	1.99
1 bulan	3.57	2.09	2.07
Kadar berian pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	6.72	5.53	5.51
Kadar pinjaman purata (ALR)			
Bank perdagangan	5.96	5.04	4.91
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
3 bulan	3.14	2.05	2.03
12 bulan	3.70	2.52	2.50

Sumber: Bank Negara Malaysia

Purata Wajaran Harian bagi Kadar Antara Bank Semalaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (Pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (Pada akhir tempoh, RM bilion)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Dari segi kadar deposit runcit, kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) disebut purata bagi bank perdagangan secara relatif tidak berubah. Pada akhir bulan September, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan antara 1 hingga 12 bulan masing-masing berada dalam julat 2.00% hingga 2.50%. Dengan kadar inflasi yang negatif sejak bulan Jun 2009, kadar FD benar kekal positif bagi semua tempoh pemegangan.

M3 meningkat pada kadar lebih cepat

Agregat monetari mencatat peningkatan tahunan yang lebih cepat pada suku ketiga, selaras dengan aktiviti ekonomi yang lebih pesat. Wang secara kecil atau M1 meningkat sebanyak RM5.8 bilion pada suku ketiga. Pada asas tahunan, M1 berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan yang lebih cepat sebanyak 6.5% pada akhir bulan September 2009 (akhir bulan Jun 2009: 5.5%). Wang secara luas atau M3 juga berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan yang lebih cepat sebanyak 6.8% pada akhir bulan September 2009 (akhir bulan Jun 2009: 5.8%). Pada asas suku tahunan, M3 meningkat sebanyak RM24.7 bilion.

Agregat M3, yang telah menjadi sederhana sejak 15 bulan yang lalu, pulih pada suku ketiga disebabkan terutamanya oleh peningkatan kredit yang kukuh. Peningkatan ini termasuk pembiayaan lebih tinggi oleh sistem perbankan kepada sektor swasta dan Kerajaan. Pertumbuhan M3 juga disokong

Agregat Monetari



Sumber: Bank Negara Malaysia

Penentu-Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh				
	2008		2009		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
M3	**13.7**	**19.1**	**17.4**	**1.1**	**24.7**
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	14.5	23.3	5.7	5.8	0.7
Tuntutan terhadap sektor swasta	32.7	18.3	5.3	5.5	20.8
Pinjaman	*25.6*	*11.2*	*4.5*	*7.9*	*19.4*
Sekuriti	*7.1*	*7.1*	*0.8*	*-2.4*	*1.4*
Aset asing luar bersih[1]	-57.3	-37.6	3.7	-4.2	9.8
BNM	*-32.2*	*-48.6*	*-4.3*	*-1.7*	*1.5*
Sistem perbankan	*-25.0*	*11.0*	*8.1*	*-2.5*	*8.3*
Pengaruh lain	23.8	15.1	2.7	-6.0	-6.6

[1]Sebelum penilaian semula

Sumber: Bank Negara Malaysia

oleh pertambahan aset luar negeri bersih sistem perbankan, mencerminkan terutamanya aliran masuk daripada lebihan dagangan Malaysia, serta aktiviti pemerolehan dana luar negeri oleh sebuah Perusahaan Awam Bukan Kewangan yang besar. Aliran masuk ini merupakan peralihan daripada aliran keluar bersih sejak suku kedua tahun 2008.

Aktiviti pembiayaan sektor swasta bertambah baik

Keadaan monetari yang akomodatif terus menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri. Dalam persekitaran kadar faedah yang rendah dan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam sistem perbankan, serta langkah yang disasarkan bagi memastikan aliran pembiayaan yang berterusan kepada ekonomi, jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal terus tinggi pada RM180.5 bilion pada suku ketiga. Pinjaman terkumpul bersih sistem perbankan terutamanya berkembang sebanyak RM21 bilion, mencerminkan pemberian pinjaman lebih tinggi kepada sektor perniagaan dan isi rumah. Dari segi pertumbuhan tahunan, jumlah pembiayaan melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS meningkat sebanyak 7.2% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun: 8%).

Dengan keadaan ekonomi yang bertambah baik pada suku ketiga, pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan meningkat disebabkan terutamanya oleh ambilan modal kerja yang lebih tinggi untuk sektor *borong, runcit, restoran dan hotel; pembinaan;* dan *perkilangan*. Oleh itu, pinjaman perniagaan terkumpul bertambah sebanyak RM5.2 bilion pada suku ketiga. Walau bagaimanapun, permintaan bagi pembiayaan baharu menjadi sederhana sedikit berbanding dengan suku kedua, mencerminkan terutamanya permohonan yang lebih rendah daripada subsektor *kewangan, insurans dan khidmat perniagaan;* dan *pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi*.

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan kepada sektor isi rumah terus memuaskan. Penunjuk utama pinjaman isi rumah meningkat bagi suku ketiga berturut-turut, disokong oleh kadar faedah yang rendah dan sentimen pengguna yang lebih baik. Permohonan pinjaman isi rumah terus berkembang, terutamanya untuk pembelian harta kediaman dan bukan kediaman, kad kredit serta pembelian kereta. Pengeluaran pinjaman meningkat dengan ketara sebanyak 21.4% (S2 09: 9.1%), disokong terutamanya oleh pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi untuk perumahan dan kad kredit. Oleh itu, pinjaman isi rumah terkumpul berkembang sebanyak RM11.3 bilion pada suku ketiga untuk mencatat peningkatan pada kadar tahunan 9.1% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun: 9.1%).

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)		
	2008	S3 08	S2 09	S3 09	2008	S2 09	S3 09
Jumlah pembiayaan kasar	**688.6**	**181.0**	**183.3**	**180.5**	**6.1**	**1.2**	**-0.3**
Pengeluaran pinjaman*	640.3	168.3	153.8	166.7	11.3	-5.3	-1.0
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	42.9	10.5	18.0	12.6	-35.5	6.6	20.1
Ekuiti	5.5	2.2	11.5	1.2	-23.1	578.2	-43.9
Jumlah pembiayaan terkumpul (A)+(B)	**110.1**	**30.4**	**20.3**	**25.2**	**12.7**	**8.0**	**7.2**
Sistem perbankan	87.2	28.8	6.7	22.1	12.4	7.9	6.8
Pinjaman terkumpul (A)	82.3	26.8	8.9	21.0	12.8	8.3	7.2
Pegangan PDS	4.9	1.9	-2.2	1.1	8.6	3.7	2.2
PDS terkumpul (B)	27.8	3.5	11.4	4.2	12.4	7.2	7.4
Memoranda							
PDS kasar (termasuk Cagamas)	49.7	11.0	19.3	5.8	-28.4	-1.9	-47.3

*Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
	2008	S3 08	S2 09	S3 09	2008	S3 08	S2 09	S3 09
Jumlah								
Permohonan pinjaman	475.7	134.5	137.8	135.6	4.0	9.2	8.1	0.8
Kelulusan pinjaman	291.9	78.1	77.1	73.5	-2.2	5.1	-4.1	-6.0
Pengeluaran pinjaman	640.3	168.3	153.8	166.7	11.3	5.7	-5.3	-1.0
Bayaran balik pinjaman	568.1	145.9	148.2	145.1	9.5	17.8	6.0	-0.6
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	82.3	26.8	8.9	21.0	12.8	10.6	8.3	7.2
Antaranya:								
Perusahaan perniagaan**								
Permohonan pinjaman	244.4	73.3	64.2	60.2	-6.9	7.4	0.0	-17.9
Kelulusan pinjaman	148.0	39.4	34.8	29.6	-18.5	-4.2	-15.0	-24.8
Pengeluaran pinjaman	455.7	121.1	102.7	109.3	12.3	6.3	-11.2	-9.7
Bayaran balik pinjaman	403.2	104.6	102.4	97.7	8.9	21.3	3.1	-6.5
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	34.4	14.1	-1.0	5.2	13.2	9.5	3.7	0.5
PKS**								
Permohonan pinjaman	100.4	28.4	26.2	28.4	1.4	-1.0	-6.2	-0.2
Kelulusan pinjaman	54.1	13.9	11.3	12.4	-1.8	-14.7	-29.0	-10.4
Pengeluaran pinjaman	162.9	43.1	34.6	35.8	15.0	19.6	-15.6	-17.1
Bayaran balik pinjaman	145.4	38.1	32.0	32.7	14.7	22.8	-9.9	-14.3
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	10.6	2.7	0.5	1.0	9.3	11.0	-2.9	-4.3
Syarikat besar								
Permohonan pinjaman	144.0	44.9	38.0	31.8	-11.9	13.6	4.7	-29.1
Kelulusan pinjaman	93.9	25.5	23.5	17.2	-25.7	2.7	-6.1	-32.6
Pengeluaran pinjaman	292.8	77.9	68.1	73.5	10.8	0.1	-8.8	-5.7
Bayaran balik pinjaman	257.8	66.4	70.4	65.0	5.9	20.4	10.4	-2.1
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	23.8	11.4	-1.5	4.3	16.2	8.4	8.7	4.0
Isi rumah								
Permohonan pinjaman	231.2	61.2	73.5	75.4	18.6	11.4	16.2	23.2
Kelulusan pinjaman	143.9	38.8	42.3	43.9	22.9	16.5	7.2	13.1
Pengeluaran pinjaman	184.6	47.3	51.1	57.4	8.9	4.2	9.1	21.4
Bayaran balik pinjaman	164.9	41.4	45.8	47.4	11.1	9.8	13.1	14.6
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	34.8	10.3	9.4	11.3	9.7	9.6	9.1	9.1

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh.
** Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman					Baki pinjaman
	Pada tempoh				Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
	2008	S3 08	S2 09	S3 09		
	(RM bilion)				(%)	
Perusahaan perniagaan	**455.7**	**121.1**	**102.7**	**109.3**	**65.6**	**45.1**
Syarikat besar	*292.6*	*77.9*	*68.1*	*73.5*	*44.1*	*29.5*
*PKS**	*162.9*	*43.1*	*34.6*	*35.8*	*21.5*	*15.6*
Sektor terpilih						
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	16.1	4.2	4.4	5.1	3.1	2.3
Perlombongan dan kuari	2.3	0.5	0.7	0.5	0.3	0.3
Perkilangan	151.6	40.6	30.9	32.2	19.3	9.8
Pembinaan	34.8	8.8	9.1	10.3	6.2	4.6
Harta tanah	16.5	4.0	4.8	4.2	2.5	3.9
Bekalan elektrik, gas dan air	2.6	0.3	0.9	3.4	2.0	1.0
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	114.0	31.6	25.5	27.1	16.3	7.9
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	17.8	7.9	5.8	4.3	2.6	3.2
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	57.7	13.4	11.2	9.7	5.8	6.6
Isi rumah	**184.6**	**47.3**	**51.1**	**57.4**	**34.4**	**54.9**
Pembelian harta kediaman	47.1	12.2	12.7	14.4	8.7	25.7
Kredit penggunaan	117.2	29.9	31.4	35.4	21.2	21.4
Antaranya:						
Kad kredit	*59.1*	*14.8*	*16.6*	*18.2*	*10.9*	*3.3*
Pembelian kereta penumpang	*33.8*	*9.0*	*7.9*	*9.1*	*5.4*	*13.5*
Lain-lain	*20.4*	*5.2*	*7.0*	*7.6*	*4.5*	*7.8*
Jumlah	**640.3**	**168.3**	**153.8**	**166.7**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Dana yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2008		2009		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
Oleh Sektor Awam	**0.7**	**13.9**	**10.8**	**24.7**	**16.6**
Sekuriti kerajaan, *bersih*	1.7	14.9	8.8	19.7	19.1
Sekuriti Kerajaan Malaysia	*11.3*	*12.0*	*20.5*	*12.7*	*14.6*
Terbitan Pelaburan Kerajaan	*3.5*	*7.5*	*6.0*	*10.5*	*8.5*
Tolak: Penebusan	*13.1*	*4.6*	*17.7*	*3.5*	*4.0*
Bon Khazanah, *bersih*	(1.0)	(1.0)	-	-	(2.4)
Bon Simpanan, *bersih*	(0.0)	(0.0)	2.0	5.0	(0.1)
Oleh Sektor Swasta	**5.9**	**(0.5)**	**0.8**	**21.0**	**6.7**
Saham	2.2	0.2	0.1	11.5	1.2
Sekuriti hutang, *bersih*	3.7	(0.8)	0.7	9.5	5.5
Sekuriti Hutang Swasta	*11.0*	*8.0*	*9.3*	*19.3*	*13.5*
Tolak: Penebusan	*7.3*	*8.7*	*8.6*	*9.8*	*8.0*
Jumlah	**6.6**	**13.3**	**11.6**	**45.7**	**23.4**

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

Aktiviti pemerolehan dana dalam pasaran modal terus kukuh

Pemerolehan dana bersih dalam pasaran modal berjumlah RM23.4 bilion (S2 09: RM45.7 bilion) pada suku ketiga. Sejumlah besar dana diperoleh sektor awam melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 2.5 tahun dan 5.5 tahun, Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII) 3.5 tahun dan 5 tahun, serta pembukaan semula MGS 10 tahun. Selepas membuat pelarasan bagi penebusan, pemerolehan dana bersih oleh sektor awam berjumlah RM16.6 bilion.

Pemerolehan dana oleh sektor swasta giat pada suku ketiga. Walau bagaimanapun, jumlah yang diperoleh adalah lebih rendah berbanding dengan suku kedua yang mencatat peningkatan pemerolehan dana disebabkan oleh terbitan PDS yang besar oleh dana kekayaan berdaulat milik persekutuan yang baharu diwujudkan dan dua terbitan hak yang besar. Pada suku ketiga, pemerolehan dana kasar dalam pasaran PDS berjumlah RM13.5 bilion (S2 09: RM19.3 bilion). Sebahagian besar terbitan PDS pada suku itu adalah oleh entiti berkaitan Kerajaan dan syarikat dalam

Terbitan PDS Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



[1] Termasuk terbitan oleh bukan pemastautin dan Cagamas
Termasuk modal kerja dan aktiviti perniagaan am

Sumber: Bank Negara Malaysia

subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perniagaan. Dua buah syarikat bukan pemastautin juga melaksanakan dua terbitan berjumlah RM675 juta pada suku ketiga. Kebanyakan dana diperoleh untuk modal kerja dan aktiviti perniagaan am (85%) dan untuk membiayai aktiviti baharu (14%).

Dana yang diperoleh dalam pasaran ekuiti berjumlah RM1.2 bilion pada suku ketiga, dan terutamanya diperoleh melalui terbitan hak oleh syarikat dalam sektor perladangan dan teknologi.

Urus niaga sekunder dalam pasaran bon meningkat

Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder meningkat kepada RM155.9 bilion pada suku ketiga (S2 09: RM139.6 bilion). Sekuriti kerajaan (MGS dan GII) mencakupi 88% daripada jumlah urus niaga. Dari segi mudah tunai, MGS merupakan kertas paling cair, mencatat nisbah kecairan sebanyak 0.49. Mudah tunai dalam pasaran PDS juga lebih tinggi disebabkan oleh sentimen pelabur yang bertambah baik.

Kadar hasil MGS secara relatif stabil sepanjang suku ketiga tahun 2009. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa tanda yang menunjukkan sentimen pasaran bertambah baik berikutan redanya kebimbangan terhadap bekalan sekuriti kerajaan yang banyak. Oleh itu, kadar hasil MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun lebih rendah masing-masing sebanyak 4, 6 dan 20 mata asas pada suku ketiga. Sentimen pelabur yang bertambah baik juga dapat dilihat dalam pasaran PDS, menyebabkan kadar hasil PDS menurun sedikit, terutamanya dalam sekuriti yang diberikan penarafan lebih tinggi. Walau bagaimanapun, premium risiko masih dalam sekuriti yang diberikan penarafan lebih rendah, sebahagian besarnya didorong oleh kebimbangan terhadap risiko kredit.

Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga / Nilai Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

Arah Aliran Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (5-tahun) dan kadar hasil sekuriti hutang swasta (5-tahun)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Bursa Malaysia: Urus Niaga Pasaran

	2008				2009					
	S3		S4		S1		S2		S3	
	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta
Urus niaga	27,965	57,172	36,605	54,438	26,360	39,927	107,802	99,818	56,208	86,785
Antaranya:										
Papan Utama	23,195	55,867	31,273	53,316	22,657	39,075	90,513	95,128	48,805	84,666
Antaranya										
Produk Pengguna	903	2,874	946	2,478	675	2,096	3,685	4,158	3,115	4,484
Produk Industri	3,507	4,981	7,609	5,450	3,798	2,401	19,188	13,950	11,387	10,161
Pembinaan	2,995	5,855	3,076	3,967	2,508	2,936	7,252	8,709	3,526	6,047
Dagangan/Khidmat	6,950	19,311	9,327	20,377	8,261	14,423	30,596	33,378	16,284	30,141
Kewangan	1,812	9,155	2,652	10,190	1,903	8,095	7,158	14,424	3,789	18,946
Harta Benda	2,500	1,802	3,044	1,805	2,984	1,895	15,248	9,134	6,521	4,898
Perladangan	1,723	9,166	2,011	6,284	1,085	4,332	2,176	6,843	1,508	5,954
Infrastruktur	511	1,912	787	2,170	629	2,405	2,316	3,068	1,106	3,062
Papan Kedua[1]	1,983	919	2,276	739	1,647	498	7,480	2,754	1,696	788
Mesdaq[2]	1,412	331	1,686	294	798	193	6,969	1,220	3,337	607

[1] Mulai 3 Ogos 2009, FTSE Papan Kedua telah digabungkan dengan Papan Utama dan dinamakan Pasaran Utama
[2] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran Mesdaq digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

KLCI menjadi lebih kukuh

KLCI FBM ditutup lebih tinggi pada 1,202.1 mata (S2 09: 1,075.2 mata) pada suku ketiga, sejajar dengan pasaran serantau lain. Sentimen pasaran yang terus bertambah baik disokong oleh tanda-tanda pemulihan ekonomi global yang lebih kukuh. Kesanggupan mengambil risiko yang meningkat oleh para pelabur terhadap pasaran pesat membangun, termasuk Malaysia, juga

Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih pada 2009



Sumber: Bloomberg

menyokong sentimen pasaran ini. Permodalan pasaran meningkat kepada RM910.5 bilion (S2 09: RM817.9 bilion), manakala urus niaga purata harian menurun kepada 892.2 juta unit (S2 09: 1,684.4 juta unit).

Pada 19 November 2009, KLCI ditutup lebih tinggi pada 1,276.7 mata (sejak akhir 2008: +45.6%),

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	Pada akhir				
	2008		2009		
	S3	S4	S1	S2	S3
Indeks Harga					
Komposit	1,018.7	876.8	872.6	1,075.2	1,202.1
FBM30[1]	6,577.7	5,637.7	5,598.5	6,910.0	-
FBMEMAS[2]	6,755.9	5,726.5	5,701.1	7,206.8	8,097.9
FTSE Papan Kedua[3]	4,978.8	4,007.3	3,872.4	4,754.5	-
FTSE Mesdaq[4]	3,968.3	3,333.6	2,942.7	4,096.3	4,067.7
Urus niaga harian purata					
Jumlah (juta unit)	437.0	610.1	454.5	1,684.4	892.2
Nilai (RM juta)	893.3	907.3	688.4	1,559.7	1,377.5
Permodalan pasaran (RM bilion)	770.5	663.8	662.1	817.9	910.5
Bilangan syarikat yang disenaraikan	981	977	969	960	957

[1] FBM30 mewakili indeks FTSE Bursa Malaysia 30
[2] FBMEMAS mewakili Indeks FTSE Bursa Malaysia Emas
[3] Mulai 3 Ogos 2009, FTSE Papan Kedua digabungkan dengan Papan Utama dan dinamakan Pasaran Utama
[4] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran Mesdaq digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

dengan permodalan pasaran meningkat kepada RM995.8 bilion (sejak akhir tahun 2008: +50%).

Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS

Ringgit menambah nilai sebanyak 1.4% berbanding dengan dolar AS pada suku ketiga, dan pada umumnya stabil berbanding dengan mata wang serantau lain. Ringgit disokong oleh sentimen pelabur yang menggalakkan dan peningkatan kesanggupan mengambil risiko di rantau ini berikutan pemulihan yang lebih kukuh dalam ekonomi Asia.

Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan paun sterling (5.2%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (-5.1%) dan euro (-2.2%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan renminbi China (1.3%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan mata wang serantau lain antara 0.1% hingga 6.4%. Prestasi rupiah Indonesia dan won Korea terus kukuh berbanding dengan mata wang serantau lain.

Pada tempoh 1 Oktober hingga 19 November 2009, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 2.8%, yen Jepun (2.0%) dan euro (0.7%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (-1.3%). Ringgit menambah nilai antara 0.8% hingga 2.8% berbanding dengan mata wang serantau.

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih Peratus Perubahan (1 Julai - 30 September 2009)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM bagi satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh				% perubahan sejak*		
	21 Jul 05	S3 08	S2 09	S3 09	21 Jul 05	S3 08	S2 09
Dolar AS	3.8000	3.4575	3.5225	3.4745	9.4	-0.5	1.4
Euro	4.6212	4.9636	4.9699	5.0799	-9.0	-2.3	-2.2
Paun sterling	6.6270	6.2254	5.8592	5.5679	19.0	11.8	5.2
100 yen Jepun	3.3745	3.3154	3.6729	3.8698	-12.8	-14.3	-5.1
Dolar Singapura	2.2570	2.4153	2.4302	2.4573	-8.2	-1.7	-1.1
100 baht Thailand	9.0681	10.154	10.354	10.361	-12.5	-2.0	-0.1
100 peso Filipina	6.8131	7.3159	7.3111	7.3325	-7.1	-0.2	-0.3
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0367	0.0345	0.0359	7.5	2.1	-4.0
100 won Korea	0.3665	0.2846	0.2754	0.2946	24.4	-3.4	-6.5
Renminbi China	0.4591	0.5051	0.5155	0.5089	-9.8	-0.7	1.3

* (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

Sumber: Bank Negara Malaysia

PERKEMBANGAN DALAM SEKTOR PERBANKAN DAN INSURANS

Sektor perbankan terus berdaya tahan

Permodalan yang kukuh dan paras pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) yang rendah menyumbang kepada keteguhan sektor perbankan yang berterusan. Penampan kewangan yang kukuh, ditambah pula dengan pendanaan dan kedudukan mudah tunai yang menggalakkan membolehkan sektor perbankan terus menyediakan pembiayaan kepada ekonomi.

Sistem Perbankan

	S3 08	S2 09	S3 09
Kedudukan modal			
Aset wajaran risiko (RM bilion)	889.8	904.0	917.6
Modal asas (RM bilion)	115.5	133.6	133.1
Nisbah modal wajaran risiko (%)	13.0	14.8	14.5
Nisbah modal teras (%)	10.6	13.1	12.9
Keuntungan sebelum cukai (RM juta)	4,022.6	1,863.0[1]	5,102.2
Nisbah pulangan atas ekuiti (%)	18.7	11.2	13.0
Nisbah pulangan atas aset (%)	1.5	1.0	1.2

[1]Penurunan ketara disebabkan oleh pelarasan sekali dalam nilai pelaburan luar negara sebuah institusi kewangan

Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing pada 14.5% dan 12.9%. Modal melebihi keperluan pengawalseliaan minimum terus tinggi pada RM56 bilion. Keuntungan sebelum cukai bagi suku ketiga meningkat sebanyak 14.3% (diselaraskan bagi peruntukan sekali yang dibuat oleh sebuah institusi kewangan berhubung dengan pelaburannya dalam subsidiari perbankan luar negeri), disebabkan oleh pendapatan pembiayaan bersih dan keuntungan perbendaharaan yang lebih tinggi.

Secara agregat, kualiti portfolio pinjaman sistem perbankan masih tinggi meskipun persekitaran ekonomi lebih mencabar pada separuh tahun pertama 2009. Nisbah NPL bersih bertambah baik kepada 2.1% pada akhir suku ketiga meskipun paras NPL bersih mencatat kenaikan kecil sebanyak 1.2%.

Sistem Perbankan: Pinjaman Tak Berbayar (NPL)

	S3 08	S2 09	S3 09
	%		
NPL bersih (RM juta)	16,647.3	15,791.6	15,978.8
Nisbah NPL bersih	2.4	2.2	2.1
Nisbah NPL kasar	5.1	4.5	4.4
Perniagaan Besar	6.1	4.7	5.0
PKS	6.9	6.9	7.0
Isi rumah	4.1	3.9	3.6

Sistem Perbankan: Pinjaman Tertunggak



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman tertunggak (kelompok 1-<2 bulan) meningkat sebanyak 0.7% pada suku ketiga untuk mencakupi 3.4% daripada jumlah pinjaman (S2 09: 3.5% daripada jumlah pinjaman). Melangkah ke hadapan, keadaan pasaran pekerja yang lebih menggalakkan dan sentimen perniagaan dan pengguna yang bertambah baik akan menyokong peningkatan prospek terhadap risiko kredit.

Sistem Perbankan: Pendedahan Terhadap Risiko Pasaran

	S3 08	S2 09	S3 09
Kedudukan bersih wajaran durasi (RM juta)	3,411	4,214	4,557
% daripada modal asas	3.3	3.8	4.0
Kedudukan terbuka bersih (RM juta)	6,283	5,377	7,333
% daripada modal asas	5.4	4.2	5.5

Pendedahan kepada risiko kadar faedah meningkat sedikit pada suku ketiga tahun 2009 berikutan pertambahan pemegangan sekuriti, khususnya sekuriti hutang kerajaan.

Keupayaan sistem perbankan untuk memenuhi tuntutan pengeluaran deposit dan obligasi mudah tunai lain terus kukuh. Penampan mudah tunai bagi kelompok kematangan sehingga satu minggu dan satu bulan kekal lebih daripada mencukupi, masing-masing pada 16.4% dan 16.5% daripada jumlah deposit (S2 09: 16.4% dan 17.7%). Sementara itu, nisbah pinjaman berbanding deposit terus memuaskan pada 78%.

Sistem Perbankan: Nisbah Ketakpadanan Mudah Tunai kepada Jumlah Deposit



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor insurans dan takaful terus kukuh

Sektor insurans dan takaful terus berdaya tahan dengan tahap permodalan yang kukuh. Keberuntungan yang meningkat dipacu terutamanya oleh pendapatan premium yang bertambah dalam hampir semua segmen perniagaan di samping hasil yang menggalakkan daripada aktiviti pelaburan, sejajar dengan keadaan pasaran modal yang bertambah baik.

Lebihan pendapatan berbanding dengan perbelanjaan meningkat kepada RM4.1 bilion pada suku ketiga disebabkan oleh pendapatan premium yang lebih tinggi bagi perniagaan hayat dan untung modal bersih. Walau bagaimanapun, keuntungan kendalian bagi perniagaan insurans am lebih rendah disebabkan oleh tuntutan dilaporkan yang lebih tinggi.

Nisbah Kecukupan Modal bertambah kukuh kepada 214.7% (S2 09: 208%) manakala ekuiti pemegang saham terus kukuh pada RM14.2 bilion (S2 09: RM14.5 bilion). Penurunan kecil dalam ekuiti pemegang saham disebabkan oleh pindahan perniagaan oleh sebuah syarikat insurans pada suku ketiga.

Sektor Insurans dan Takaful: Keberuntungan[a]

	2008		2009		
	S2	S3	S1	S2	S3
	RM juta				
Hayat/keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	2,568.9	2,161.6	2,042.1	3,200.9	4,125.0
Am					
Keuntungan operasi	-10.1	165.9	306.1	506.5	428.7

[a]Awalan dan tidak diaudit

Forum Kewangan Islam Malaysia – United Kingdom
Kuala Lumpur, 8 Julai 2009

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati kerana dapat berada di sini untuk berucap pada Forum Kewangan Islam Malaysia – United Kingdom yang dianjurkan dengan kerjasama Majlis Perniagaan Komanwel. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang kepada Yang Dihormati Lord Mayor dan para tetamu kehormat dari United Kingdom yang menyertai dialog pada hari ini bersama-sama dengan masyarakat kewangan Malaysia untuk berbincang tentang peluang dan kerjasama dalam bidang kewangan Islam – satu bidang penting yang berpotensi untuk mengukuhkan hubungan kewangan dan ekonomi bukan sahaja antara kedua-dua ekonomi, bahkan dengan ekonomi lain di dunia.

Peralihan global yang sedang berlaku dalam persekitaran antarabangsa kini telah mengubah konfigurasi ekonomi global dengan ketara. Hal ini mengakibatkan dunia menjadi semakin berbilang polar. Dalam globalisasi fasa baharu ini, pemusatan kuasa ekonomi akan menjadi lebih meluas. Pengukuhan hubungan ekonomi dan kewangan yang strategik merentas negara akan menjadi ciri utama dalam persekitaran ini. Malaysia sememangnya berhasrat untuk menjadi sebahagian daripada persekitaran baharu ini dan untuk itu, negara sedang membina kapasiti untuk mempertingkatkan hubungan ekonomi dan kewangan antarabangsa.

Membina Perkongsian yang Efektif antara UK dengan Malaysia

Hubungan United Kingdom dengan Malaysia merupakan hubungan yang telah lama terjalin. Hubungan ini adalah dinamik, berkembang dalam persekitaran antarabangsa yang berubah dengan pesat. Ikatan yang kukuh dan erat ini terus berkembang merangkumi bidang perdagangan, pelaburan, pendidikan dan kewangan.

Meskipun perdagangan dua hala bagi barangan antara United Kingdom dengan Malaysia hanya mencakupi 1.4% daripada jumlah keseluruhan perdagangan negara, perdagangan dua hala Malaysia dengan Britain bagi perkhidmatan mencakupi 6.3% daripada perdagangan negara dalam sektor perkhidmatan pada tahun 2008. Walaupun imbangan perdagangan memihak kepada Malaysia, lebihan akaun perkhidmatan lebih memihak kepada United Kingdom dengan jumlah dagangan sebanyak RM2.3 bilion. Dari segi mobiliti penduduk antara kedua-dua negara, aliran dua hala berkaitan dengan pekerjaan, pendidikan dan pelancongan terus signifikan. Pelancong dari Britain merupakan kumpulan terbesar pengunjung dari pasaran Eropah. Dalam bidang pendidikan, terdapat sebilangan besar pelajar Malaysia menuntut di United Kingdom yang telah diperkukuh oleh program-program berkembar. Selain itu, pendidikan yang disediakan oleh Kerajaan Britain untuk rakyat Malaysia telah diperkukuh melalui penubuhan kampus-kampus cawangan di Malaysia.

Baru-baru ini, hubungan ini telah diperluas kepada bidang kewangan Islam Hubungan ini dipererat dengan termeterainya Memorandum Persefahaman antara Perdagangan dan Pelaburan UK (UK Trade and Investment, UKTI) dengan Bank Negara Malaysia.

Perkembangan awal kewangan Islam lebih banyak tertumpu di dalam negeri. Pengantarabangsaan kewangan Islam hanya berlaku dalam dekad ini. Keadaan ini telah meningkatkan peluang untuk mewujudkan perkongsian strategik antara pusat kewangan antarabangsa yang akan saling memberikan manfaat.

Malaysia telah membangunkan industri kewangan Islam yang komprehensif berasaskan rangka kerja perundangan dan

pengawalseliaan yang kukuh, dengan bilangan institusi perbankan Islam dan Takaful yang pelbagai dan pasaran wang dan modal Islam yang maju. Pada hari ini, aset kewangan Islam mencakupi 17 peratus daripada jumlah aset perbankan di Malaysia dan jumlah purata harian yang diurusniagakan dalam pasaran wang Islam negara ialah sebanyak RM6 bilion. Pasaran Sukuk yang telah berkembang pada kadar purata tahunan sebanyak 22%, kini menyumbang melebihi 50% daripada pasaran bon negara.

Dengan wujudnya infrastruktur kewangan ini, Malaysia telah memperhebat langkah liberalisasinya baru-baru ini. Pada bulan April, Kerajaan mengumumkan langkah-langkah liberalisasi selanjutnya yang merangkumi pemberian lesen baharu kepada perbankan Islam dan Takaful. Secara khususnya, sehingga dua lesen baharu bagi perbankan Islam mega akan dikeluarkan untuk peserta asing dengan modal minimum sebanyak USD1 bilion bagi mempertingkatkan kesalinghubungan global dan memanfaatkan perkembangan global bagi kewangan Islam. Bank-bank Islam domestik yang ingin mempertingkatkan dan memperluas operasi mereka ke pasaran global juga diberi lebih banyak fleksibiliti untuk mengadakan perkongsian strategik dengan peserta asing bagi menambah modal mereka kepada USD1 bilion dengan had ekuiti asing yang lebih tinggi sehingga 70%.

Selain itu, sehingga dua lesen baharu Takaful keluarga akan dikeluarkan pada tahun 2009 kepada peserta yang dapat memberikan tawaran nilai yang signifikan kepada Malaysia untuk merangsang perkembangan industri Takaful. Syarikat Takaful juga akan diberi fleksibiliti untuk mengadakan pakatan strategik dengan rakan kongsi asing melalui had modal asing yang lebih tinggi sehingga 70%, bagi mengukuhkan lagi daya tahan dan daya saing mereka. Selain itu, institusi kewangan Islam antarabangsa boleh ditubuhkan bagi menawarkan pelbagai rangkaian perkhidmatan kewangan Islam dalam mata wang antarabangsa kepada pemastautin dan bukan pemastautin.

Langkah lain yang diumumkan seterusnya ialah liberalisasi profesion undang-undang yang membenarkan sehingga lima firma guaman antarabangsa yang pakar dalam kewangan Islam antarabangsa menawarkan perkhidmatan perundangan dalam kewangan Islam antarabangsa di Malaysia.

Pengantarabangsaan Kewangan Islam

Terdapat beberapa faktor penting dalam meneruskan usaha pengantarabangsaan kewangan Islam.

Pertama ialah pembangunan pasaran kewangan Islam antarabangsa bagi meningkatkan mudah tunai instrumen dan kapasiti pengurusan risiko para peserta. Hal ini penting untuk menggalakkan pasaran berfungsi dengan cekap dan sekali gus memudahkan aliran modal merentas sempadan yang seterusnya memperkukuh integrasi kewangan global. Namun begitu, di kebanyakan negara yang mempunyai institusi kewangan Islam, pasaran wang Islam dan pasaran modal negara tersebut secara relatifnya masih kurang maju. Natijahnya, institusi perbankan Islam menghadapi cabaran dalam menguruskan mudah tunai harian mereka, berikutan kurang pasaran antara bank Islam yang komprehensif yang menyediakan instrumen urus niaga jangka pendek yang bertaraf tinggi. Tanpa akses kepada pasaran seperti itu, sukar bagi institusi-institusi ini menguruskan keperluan mudah tunai jangka pendek dengan cekap dan berkesan. Hal ini menyebabkan institusi tersebut perlu mengekalkan mudah tunai dalam jumlah yang lebih besar berbanding dengan rakan-rakan konvensional mereka. Di Malaysia, pasaran seperti itu wujud dan memainkan peranan penting untuk memudahkan pengurusan mudah tunai.

Inisiatif secara bersepadu merentas negara boleh dilaksanakan untuk menggalakkan pembangunan pasaran kewangan Islam antarabangsa yang efisien dan memberangsangkan. Pasukan Petugas IFSB mengenai Pengurusan Mudah Tunai merupakan usaha bersepadu untuk melaksanakan langkah-langkah yang diperlukan bagi membangunkan infrastruktur dan rangka kerja pengurusan mudah tunai untuk institusi kewangan Islam. Meskipun Pasukan Petugas

berusaha menangani isu-isu penting ini, institusi kewangan Islam digalakkan untuk mempergiat inovasi dalam membangunkan lebih banyak rangkaian instrumen pasaran kewangan Islam. Ini termasuklah instrumen yang mempunyai ciri pemilikan ekuiti, sekuriti Islam bersandarkan aset, termasuk pelbagai bentuk penambahbaikan kredit yang dibenarkan serta instrumen pengelakan risiko yang berlandaskan Syariah.

Ketersediaan mudah tunai yang mencukupi juga penting untuk menyokong pengantaraan dana dalam sistem kewangan Islam. Lantaran itu, Bank-bank pusat perlu mempunyai instrumen kewangan Islam yang mencukupi untuk menguruskan keadaan mudah tunai dalam sistem kewangan Islam.

Kedua ialah kerjasama antarabangsa untuk memastikan kestabilan kewangan dalam sistem kewangan Islam antarabangsa. Langkah ini juga akan merangkumi perkongsian antara pusat kewangan antarabangsa dalam menggalakkan kestabilan kewangan. **Pengawalan dan penyeliaan institusi kewangan Islam yang kukuh dan efektif** merupakan faktor penting dalam menjamin kestabilan kewangan. Krisis kewangan ekonomi global yang melanda ketika ini telah menyerlahkan kelemahan struktur dalam rangka kerja pengawalan dan penyeliaan kewangan global. Kerjasama antara pengawal selia merentas negara adalah amat penting dalam membendung kemungkinan risiko sistemik yang telah melewati sempadan negara dan rantau.

Dalam kewangan Islam, rangka kerja perundangan, pengawalseliaan dan Syariah yang rapi dan kukuh sedang dibangunkan. Rangka kerja pengawalseliaan tersebut juga diperlukan untuk mentadbir urus amalan pasaran oleh institusi kewangan Islam. Ini akan melibatkan pelaksanaan piawaian kehematan yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board, IFSB). IFSB juga berperanan penting dalam pengharmonian piawaian kehematan, selain memberikan sumbangan terhadap pembangunan kewangan Islam yang konsisten merentas pelbagai negara. Beberapa negara di dunia, termasuk Malaysia, telah melaksanakan piawaian kehematan yang dikeluarkan oleh IFSB. Piawaian kehematan ini yang telah dirangka dengan mengambil kira ciri–ciri unik yang khusus dalam kewangan Islam akan memberikan sumbangan dalam memastikan kekukuhan dan kestabilannya. Oleh itu, para pengawal selia kewangan Britain digalakkan untuk menjadi anggota IFSB.

Pada awal tahun ini, IFSB dengan kerjasama Bank Pembangunan Islam (Islamic Development Bank, IDB) telah menubuhkan pasukan petugas mengenai Kewangan Islam dan Kestabilan Kewangan Global. Pasukan petugas ini bertanggungjawab untuk memeriksa daya tahan kewangan Islam dalam persekitaran kewangan global yang mencabar pada masa ini dan selanjutnya meneliti pelbagai infrastruktur kewangan yang perlu diwujudkan untuk memajukan arkitektur kewangan antarabangsa bagi memperkukuh daya tahan kewangan Islam. Pasukan petugas ini akan memberikan cadangan termasuk usaha membangunkan rangka kerja pencegahan dan pengurusan krisis dengan mengambil pengajaran daripada krisis kewangan global semasa untuk pembaharuan dalam sistem kewangan antarabangsa.

Ketiga dan yang penting ialah integrasi kewangan Islam antarabangsa akan dipermudah **melalui pengiktirafan bersama piawaian dan produk kewangan merentas negara.** Dalam bidang Syariah, pertumpuan pandangan dan keputusan Syariah, dan pengiktirafan bersama piawaian dan produk kewangan merentas negara telah pun berlaku secara berperingkat-peringkat. Apabila keadaan ini berterusan, ia akan menjadi pendorong utama ke arah integrasi kewangan antarabangsa yang lebih meluas. Pertumpuan dan pengharmonian ini berlaku dengan wujudnya lebih banyak interaksi antara para pengawal selia, pengamal dan cendekiawan kewangan Islam merentas negara.

Bagi menggalakkan pengiktirafan bersama yang lebih meluas terhadap sesuatu produk, Bank Negara Malaysia telah memulakan inisiatif untuk membangunkan Parameter Syariah bagi menggalakkan pelaksanaan kontrak kewangan Islam yang lebih konsisten. Inisiatif ini bertujuan menentukan ciri-ciri penting produk kewangan Islam yang berlandaskan prinsip-prinsip

Syariah yang utama. Inisiatif ini juga bertujuan untuk memberikan lebih kejelasan tentang produk kewangan Islam kepada masyarakat antarabangsa lantas mempermudah urus niaga merentas sempadan. Sebuah Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (International Shariah Research Academy in Islamic Finance, ISRA) juga telah ditubuhkan pada tahun 2008 untuk menggalakkan interaksi dan penglibatan yang lebih giat dalam kalangan cendekiawan Syariah dari seluruh dunia dan menjalankan aktiviti penyelidikan serta menyumbang kepada pemahaman dan pertumpuan antarabangsa yang lebih baik. Sehubungan dengan itu, kami mengalu-alukan institusi Britain yang berkenaan untuk bekerjasama dengan ISRA bagi memajukan usaha ini.

Pembangunan modal insan dalam kewangan Islam juga penting untuk menjamin penawaran kumpulan tenaga mahir yang mencukupi daripada kalangan profesional yang pakar dan berkebolehan tinggi. Oleh yang demikian, pelaburan dalam pembangunan modal insan adalah penting bagi menyokong pembangunan global industri perkhidmatan kewangan Islam. Bank Negara Malaysia komited dalam menggalakkan pembangunan modal insan. Institusi sokongan yang khusus seperti INCEIF, IBFIM dan ISRA telah ditubuhkan untuk memberikan tumpuan pada latihan, pendidikan dan penyelidikan. Kerjasama strategik yang lebih giat juga telah diadakan antara institusi pendidikan dan latihan Britain dengan institusi Malaysia bagi memajukan pembangunan tenaga mahir dalam industri perkhidmatan kewangan Islam. Sehubungan dengan itu, saya dengan sukacitanya memaklumkan bahawa pada hari ini kita akan menyaksikan beberapa kerjasama strategik ditandatangani antara institusi-institusi terkemuka Britain dengan institusi pendidikan dan latihan Malaysia.

Tahap kesedaran yang makin meningkat dan pengiktirafan terhadap kekuatan dalaman kewangan Islam serta potensinya yang sangat besar untuk terus maju telah mencetuskan minat dalam kalangan masyarakat kewangan global untuk meneroka bidang baharu kewangan Islam ini. Dengan mengambil manfaat daripada peningkatan peranan kewangan Islam dalam mempertemukan pelbagai negara di dunia yang mempunyai lebihan dana dan mencari peluang pelaburan, dengan negara yang memerlukan pembiayaan, akan meningkatkan prospek untuk meraih manfaat bersama. Kami berharap London akan turut serta dalam evolusi kewangan yang baharu ini.

Persidangan Sekolah Undang-undang Kewangan dan Perbankan SEACEN-BNM 2009 "Cabaran Semasa dalam Perbankan Pusat – Perspektif Undang-undang" Kuala Lumpur, 24 September 2009

Ucapan Pembukaan dan Ucaptama oleh:

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati kerana berpeluang untuk berucap pada persidangan Sekolah Undang-undang Kewangan dan Perbankan Kelima 2009, anjuran bersama Pusat Latihan dan Penyelidikan Bank-bank Pusat Asia Tenggara (South East Asian Central Banks, SEACEN), Institut Bank-bank Malaysia dan Bank Negara Malaysia. "Perspektif undang-undang bagi cabaran semasa dalam Perbankan Pusat" yang menjadi tema persidangan Sekolah Undang-undang Kewangan dan Perbankan pada tahun ini adalah amat relevan dalam persekitaran sekarang. Perhatian dunia sememangnya kini tertumpu ke arah membaik pulih arkitektur kewangan dalam usaha menangani kelemahan asas yang timbul akibat krisis kewangan global baru-baru ini.

Perdebatan dasar pada masa ini merangkumi pelbagai isu, antaranya, pembaharuan pengawalseliaan yang menyeluruh untuk memperkukuh asas-asas kestabilan kewangan, pengaturan keinstitusian bagi memastikan pasaran kewangan berfungsi dengan lebih cekap, penyelarasan yang berkesan terhadap langkah kestabilan kewangan dan mandat bank pusat yang lebih jelas dalam menggalakkan kestabilan monetari dan kewangan. Tema persidangan ini juga amat relevan buat kami di Bank Negara Malaysia kerana pada akhir tahun ini Akta Bank Negara Malaysia 2009 yang baharu akan mula berkuat kuasa. Kami amat berbangga menjadi tuan rumah persidangan tahun ini dan amat mengalu-alukan kehadiran sebegitu ramai peserta daripada kalangan pengamal undang-undang yang terkenal, khususnya, daripada rantau lain untuk turut serta di forum ini.

Fokus ucapan saya pada hari ini adalah pada tiga cabaran utama yang dihadapi oleh Bank-bank Pusat, dan kesan dari sudut undang-undang terhadap keberkesanan Bank-bank Pusat. Cabaran pertama berkaitan dengan pembinaan kapasiti untuk menguruskan ketidakpastian yang semakin ketara disebabkan oleh inovasi kewangan, sektor yang tidak dikawal selia yang menjadi semakin penting dan kesalinghubungan yang kian rapat antara institusi kewangan dengan pasaran. Perkembangan sebegini bukan sahaja menyebabkan kemunculan risiko baharu terhadap sistem kewangan tetapi juga telah mengubah cara risiko dipindahkan daripada sistem kewangan kepada ekonomi benar. Dalam persekitaran ini, **rangka kerja undang-undang dan pengawalseliaan yang teguh dan dinamik** amat diperlukan untuk membolehkan bank pusat menghadapi perkembangan ini.

Cabaran kedua berhubung dengan pelaksanaan **jaringan keselamatan kewangan**, dan penyelarasan pelbagai komponen jaringan keselamatan yang berkesan bagi mengekalkan keyakinan orang ramai serta menyokong pengantaraan kewangan yang berterusan. Kewajaran perundangan dan peraturan yang memastikan kredibiliti dan integriti jaringan keselamatan merupakan faktor penting dalam mengekalkan kestabilan kewangan.

Cabaran ketiga menyentuh tentang **integrasi kewangan dan ekonomi yang semakin kompleks akibat globalisasi. Hal ini menyebabkan aktiviti kewangan merentas sempadan meningkat dengan ketara** dan membawa sumber risiko baharu kepada

sistem kewangan domestik. Krisis baru-baru ini menimbulkan banyak isu dan setakat ini belum wujud penyelesaian mahupun persepakatan yang jelas termasuk isu kecenderungan yang memihak pada negeri sendiri dalam merumus tindak balas dasar, pendekatan yang sesuai bagi penyelesaian merentas sempadan, dan cabaran ketara dalam menyelaraskan dasar yang merentas rangka kerja undang-undang dan keinstitusian yang berbeza. Ini merupakan satu aspek daripada rangka kerja undang-undang yang masih belum diselaraskan. Penyelesaian yang wajar memerlukan pembaharuan undang-undang, terutamanya untuk memberikan kepastian dan kejelasan dalam menangani krisis.

Menangani cabaran baharu dalam Akta Bank Negara Malaysia 2009

Perkembangan yang berlaku dalam persekitaran global semasa menunjukkan bahawa perbankan pusat kini menghadapi cabaran yang lebih besar. Isu-isu yang dihadapi oleh bank-bank pusat hari ini jauh lebih pelbagai dan rumit, lantas memerlukan penelitian semula peranan bank-bank pusat, keupayaan untuk menguruskan dan membendung risiko terhadap kestabilan monetari dan kewangan, serta pengaturan tadbir urus dan instrumen dasar yang diperlukan untuk menyokong keberkesanan bank-bank pusat.

Akta baharu Bank Negara Malaysia 2009 yang diluluskan oleh Parlimen pada bulan Julai tahun ini melambangkan kemuncak usaha selama lebih daripada dua tahun untuk menangani isu dan cabaran yang dihadapi oleh Bank-bank Pusat dalam persekitaran yang pesat berubah. Akta tersebut memberikan huraian terperinci yang lebih jelas tentang mandat yang diamanahkan kepada Bank dan memberikan lebih banyak kuasa untuk melaksanakan mandat ini. Bagi memenuhi matlamat utama untuk menggalakkan kestabilan monetari, sememangnya diperakui bahawa kestabilan harga perlu dicapai dalam persekitaran pertumbuhan ekonomi yang mampan. Oleh itu, kesan berterusan langkah kestabilan monetari terhadap ekonomi benar perlu diambil kira. Undang-undang juga menghendaki Bank mengambil pandangan seimbang bagi mengelakkan pelaksanaan rangka kerja yang tidak fleksibel yang mungkin menyebabkan ia terlampau tidak seimbang dan akan mengakibatkan ekonomi terus terjejas dengan ketara. Keseimbangan ini turut mencakupi peranan Bank yang jelas dalam membangunkan rangkuman sistem kewangan dalam tanggungjawabnya untuk membangunkan sistem kewangan yang kukuh dan progresif. Semua ini penting terutamanya untuk ekonomi pasaran sedang pesat membangun bagi memastikan keseimbangan kemajuan dan pembangunan ekonomi.

Akta Bank Negara Malaysia 2009 yang baharu turut menginstitusikan autonomi dalam perumusan dasar monetari, dan dengan itu memberikan integriti dan kredibiliti bagi keputusan yang diambil. Akta ini juga membolehkan pelaksanaan dasar monetari yang lebih fleksibel, yang membolehkan pelbagai rangkaian instrumen kini dimanfaatkan bagi pelaksanaan dasar monetari. Memandangkan pasaran kewangan kini lebih canggih dan kadangkala menunjukkan ketidakpastian yang melampau, bank-bank pusat perlu mempunyai keupayaan yang setanding untuk mengendalikan operasi dasar monetari bagi mengekalkan kestabilan harga. Mandat untuk mengawasi pasaran wang dan pertukaran asing juga penting untuk memastikan pasaran berkembang dan berfungsi dengan teratur. Kuasa yang diperlukan ini digabungkan dengan sistem sekatan dan imbangan untuk membolehkan Bank bertindak dengan tegas, namun masih mempunyai perlindungan bagi mempertingkatkan ketelusan dan kebertanggungjawaban.

Kuasa lebih menyeluruh untuk mencapai kestabilan kewangan

Dari segi kestabilan kewangan, Akta Bank Negara baharu mengandungi mandat Bank Negara Malaysia yang jelas bagi kestabilan kewangan. Mandat ini dizahirkan dengan jelas dari segi risiko terhadap kestabilan kewangan yang merangkumi risiko kegagalan proses pengantaraan kewangan (termasuk pasaran kewangan yang berfungsi dengan teratur), atau yang menjejaskan keyakinan orang ramai. Akta tersebut juga mengandungi

peruntukan menyeluruh bagi pengawasan yang lebih rapi, langkah pencegahan awal dan kuasa penyelesaian yang lebih banyak bagi memudahkan penyelesaian krisis kewangan cepat dan teratur. Bank juga boleh mengambil tindakan campur tangan yang bersesuaian untuk mengelakkan risiko yang berpunca daripada entiti yang tidak dikawal selia.

Akta tersebut turut memperakui kepentingan langkah dasar bersepadu meliputi pelbagai agensi kerana tindakan mereka boleh menjejaskan kestabilan kewangan. Dengan itu, Akta baharu ini memperuntukkan pengaturan kerjasama dengan pihak berkuasa penyeliaan lain dan Bank Negara Malaysia boleh mengemukakan cadangan kepada pihak berkuasa tersebut tentang sesuatu langkah atau perlindungan untuk menggalakkan kestabilan kewangan. Kuasa baharu ini dilengkapkan dengan pengaturan keinstitusian yang lebih kukuh melalui penubuhan Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan untuk memastikan penyelarasan pihak berkuasa kawal selia yang berkesan dalam penyelesaian kewangan.

Rangka kerja tadbir urus dan kebertanggungjawaban yang lebih teguh

Dengan kuasa yang bertambah ini, rangka kerja tadbir urus dan kebertanggungjawaban dalam Akta juga telah diperkukuh dengan ketara. Penambahan kuasa ini berkaitan dengan peranan Lembaga Pengarah yang lebih besar dalam pengawasan pengurusan Bank. Dengan memperuntukkan kuasa yang lebih luas kepada Bank Negara Malaysia untuk menangani isu-isu kestabilan kewangan dan mengukuhkan fungsi pengawasan Bank, tumpuan juga telah diberikan pada tadbir urus, kawalan dalaman dan pengurusan risiko oleh Bank. Bagi tujuan ini, Akta Bank Negara Malaysia 2009 memberikan kuasa kepada Lembaga untuk menubuhkan tiga jawatankuasa khusus, iaitu Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga, Jawatankuasa Audit Lembaga dan Jawatankuasa Risiko Lembaga yang dipengerusikan oleh pengarah bukan eksekutif, untuk memastikan pengawasan yang bebas terhadap perjalanan Bank.

Jaringan Keselamatan Sistem Kewangan yang menyeluruh

Saya akan menyentuh pula cabaran penting kedua yang dihadapi oleh bank-bank pusat, iaitu keperluan untuk mewujudkan jaringan keselamatan kewangan yang berkesan. Pengalaman global dalam dua dekad ini menunjukkan bahawa krisis demi krisis terus melanda dunia dan mengakibatkan kos yang terlalu besar kepada ekonomi. Jaringan keselamatan kewangan mempunyai dua tujuan utama, iaitu mengelakkan risiko terhadap kestabilan kewangan dan mengurangkan kos terhadap sistem kewangan dan ekonomi jika berlakunya krisis. Jaringan keselamatan ini turut mempunyai tujuan sosial yang penting bagi melindungi para penyimpan dan pelabur.

Komponen pertama jaringan keselamatan kewangan ialah kewujudan sistem pengawalan dan penyeliaan yang berkesan untuk memastikan pengurusan institusi kewangan yang kukuh dan berkemampuan untuk menangani masalah yang menjejaskan kestabilan kewangan. Ini termasuk kuasa dan instrumen yang mencukupi untuk mengurangkan kerugian terhadap sistem jika berlakunya krisis, memulihkan kestabilan dan memastikan kesinambungan proses pengantaraan kewangan. Komponen kedua ialah kemudahan pemberi pinjaman usaha akhir yang disediakan oleh bank-bank pusat untuk menangani tekanan mudah tunai yang dihadapi oleh institusi kewangan. Ketiga, ialah skim insurans deposit yang menjamin deposit untuk melindungi simpanan para penyimpan kecil dan mengurangkan kemungkinan berlakunya gangguan yang akan mengancam kestabilan sistem kewangan.

Keberkesanan jaringan keselamatan kewangan bergantung pada beberapa faktor. Ini termasuk keupayaan bank pusat dan pihak berkuasa kawal selia untuk menilai risiko, penyelarasan yang berkesan antara komponen jaringan keselamatan yang berbeza, strategi komunikasi yang jelas dan rangka kerja undang-undang yang kukuh dan menyeluruh yang menyokong operasi jaringan keselamatan. Di Malaysia, Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Malaysian Deposit Insurance Corporation Act)

(Akta MDIC) yang mewujudkan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Malaysian Deposit Insurance Corporation, MDIC) memperuntukkan kuasa campur tangan menyeluruh bagi perlindungan penyimpan. Langkah ini dilengkapkan dengan rangka kerja kendalian komprehensif yang dihasilkan oleh Bank Negara Malaysia dan perbadanan insurans deposit yang menetapkan dengan jelas tanggungjawab dan kewajipan kedua-dua agensi dalam menggalakkan kestabilan kewangan dan penyelesaian kewangan. Dalam aspek perlindungan pengguna, pindaan kepada perundangan perkhidmatan kewangan Malaysia juga sedang dilaksanakan untuk membolehkan penubuhan, peranan dan fungsi *ombudsman* kewangan dalam menangani dengan wajar dan cekap pertikaian berkaitan dengan perkhidmatan kewangan antara pengguna dengan institusi kewangan.

Globalisasi yang lebih pesat membawa cabaran baharu

Saya akan menyentuh tentang cabaran globalisasi kewangan yang lebih pesat dan kerjasama antarabangsa yang kian penting dalam memastikan integrasi ekonomi dan kewangan yang berterusan merentas sempadan negara. Dalam persekitaran ini, pengawal selia berdepan dengan cabaran untuk mengadaptasikan norma-norma pengawalseliaan dan undang-undang, daripada sistem yang lebih tertumpu pada dalam negeri kepada norma-norma yang lebih mencerminkan perniagaan dan kewangan antarabangsa. Isunya ialah bagaimana agenda negara dapat melengkapi agenda antarabangsa. Masalah pengawalseliaan timbul bukan disebabkan oleh keperluan terhadap pihak pengawal selia domestik – yang beroperasi mengikut norma dan budaya pengawalseliaan kebangsaan yang pelbagai – untuk bekerjasama dan melakukan penyelarasan dalam persekitaran dalam negeri, tetapi juga merentas negara.

Isu-isu kendalian dan undang-undang dalam penyelesaian merentas sempadan timbul apabila rangka kerja pengawalseliaan bagi negara-negara yang berlainan tidak menyediakan penyelesaian yang sama, misalnya dari segi pemansuhan urus niaga kewangan dan penguatkuasaan hak pihak bercagar terhadap kolateral dalam bidang kuasa asing. Kegagalan menangani isu penyelesaian sedemikian dengan segera, lazimnya dalam masa beberapa hari, boleh meningkatkan ketidakpastian dan kemungkinan berlakunya konflik merentas sempadan. Pihak berkuasa juga perlu mempunyai akses kepada maklumat yang lazimnya tidak diberikan dalam keadaan kerjasama penyeliaan yang biasa. Langkah ini perlu disokong oleh keperluan yang konsisten bagi penyelarasan pelaksanaan tindakan pengawalseliaan. Infrastruktur undang-undang yang berkesan juga sama penting sebagai pengantara bagi tuntutan terhadap institusi yang tak mampu bayar yang beroperasi di peringkat antarabangsa.

Persetujuan bersama antara pihak berkuasa pengawalseliaan terhadap asas utama bagi penyelesaian yang berkesan merupakan satu langkah ke hadapan yang penting. Pengharmonian dan lebih kejelasan tentang faktor penyebab bagi tindakan yang diambil, instrumen untuk memulangkan dana yang diinsuranskan dengan pantas kepada pendeposit, kuasa untuk melaksanakan penyelesaian dengan cepat dan kuasa undang-undang untuk menyusun semula dan meneruskan fungsi perbankan utama akan membuka ruang buat pengurusan krisis yang lebih berkesan. Oleh itu, isunya bukan sahaja berkisar tentang membuka sempadan; kita juga perlu meneliti bagaimana rangka kerja pengawalseliaan domestik kita berhubung kait dengan rangka kerja negara lain.

Kerjasama Antarabangsa

Kerjasama serantau antara bank pusat di Asia Timur telah mencapai kemajuan yang ketara dalam dekad ini selepas berlakunya krisis Kewangan Asia. Tumpuan kerjasama adalah dari aspek kestabilan kewangan, pasaran kewangan dan sistem pembayaran dan penyelesaian. Penyertaan dalam jawatankuasa kerja, teknikal dan peringkat tinggi telah menyumbang kepada usaha untuk memudahkan penggunaan piawaian antarabangsa bagi penyeliaan

perbankan dan kestabilan kewangan, dengan mengambil kira perspektif serantau. Penyertaan ini juga membantu mengenal pasti keutamaan penyeliaan dan bidang yang perlu diberikan perhatian kerana akan memberikan kesan kepada kestabilan kewangan, dan menambah baik teknik berkaitan dengan penyeliaan dan pengawasan. Walau bagaimanapun, cabaran berkaitan dengan isu-isu merentas sempadan seperti arbitraj kawal selia, undang-undang persaingan, pengharmonian kawal selia belum lagi diselesaikan sepenuhnya.

Akta Bank Negara Malaysia 2009 yang baharu membolehkan Bank Negara Malaysia bertindak dengan lebih fleksibel dan memberikannya mandat untuk menjalin kerjasama antarabangsa. Akta tersebut membenarkan Bank berinteraksi dengan pihak berkuasa penyeliaan asing untuk menyelaras dan bekerjasama tentang langkah kestabilan kewangan. Undang-undang baharu ini juga mengandungi peruntukan khusus untuk Bank menyertai dan menyediakan sumber yang sesuai dalam pengaturan, skim, program atau inisiatif dengan mana-mana bank pusat lain atau institusi kewangan atau pihak berkuasa antarabangsa bagi menggalakkan kerjasama monetari, kewangan atau ekonomi secara bilateral, serantau dan antarabangsa.

Kesimpulan

Kesimpulannya, rangka kerja perundangan yang memberi sokongan pada perbankan pusat dan sistem kewangan merupakan unsur penting dalam menangani cabaran yang dihadapi oleh bank-bank pusat. Saya telah menekankan tiga cabaran yang amat relevan dalam sistem kewangan global semasa. Bank-bank pusat dalam sistem kewangan maju telah melaksanakan langkah tidak konvensional bagi mengelakkan kegawatan sistemik sistem kewangan global. Meskipun langkah yang diambil ini berdasarkan tindakan segera yang diperlukan dan untuk mengelakkan kegagalan sistem secara keseluruhan, namun kajian semula perundangan secara menyeluruh perlu dijalankan akibat krisis ini. Tugas yang lebih mencabar adalah untuk menangani dengan berkesan isu-isu merentas sempadan yang dihadapi oleh sistem kewangan negara. Tidak kiralah sama ada krisis sedang melanda atau tidak, cabaran ini akan terus relevan memandangkan keadaan akan terus dinamik dan trend ke arah dunia yang lebih global tidak akan beralih arah.

Bagi subjek yang amat kompleks ini, persidangan dua hari ini pastinya akan menghasilkan perbincangan yang benar-benar menarik. Saya berharap persidangan Sekolah Undang-undang Kewangan dan Perbankan ini akan membuahkan hasil yang amat produktif dan juga berharap lawatan anda ke Malaysia ini akan meninggalkan kenangan manis.

Seminar Lembaga Perkhidmatan Kewangan Antarabangsa Kali ke-4 Mengenai Isu-isu Perundangan dalam Industri Perkhidmatan Kewangan Islam Kuala Lumpur, 28 September 2009

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati untuk berucap pada Seminar Lembaga Perkhidmatan Kewangan Antarabangsa (International Financial Services Board, IFSB) Kali ke-4 mengenai Isu-isu Perundangan dalam Industri Perkhidmatan Kewangan Islam yang telah menghimpunkan begitu ramai pakar antarabangsa dan pengamal industri untuk membincangkan isu-isu perundangan dalam Kewangan Islam. Dialog seumpama ini penting bagi mencapai pemahaman dan penyelesaian bersama terhadap isu-isu dalam kewangan Islam, sekali gus menyumbang kepada pembangunan kewangan Islam secara keseluruhan.

Kewangan Islam terus berkembang dan berdaya tahan dalam persekitaran kewangan antarabangsa yang lebih mencabar pada masa ini. Kemajuan yang dicapai ini adalah dari segi peningkatan kepelbagaian produk dan perkhidmatan kewangan Islam, pembangunan infrastruktur dan institusi kewangan Islam, pasaran kewangan Islam yang lebih matang dan rangka kerja perundangan dan pengawalseliaan sokongan yang lebih komprehensif. Yang terkini, dimensi antarabangsa kewangan Islam menjadi lebih penting apabila langkah liberalisasi sistem kewangan Islam domestik diteruskan serta terdapat pengukuhan arkitektur kewangan Islam antarabangsa.

Di Malaysia, aset perbankan Islam pada akhir suku kedua tahun ini mencakupi hampir 19% daripada jumlah aset perbankan. Jumlah pembiayaan pada masa ini mencapai RM118 bilion dan menyumbang sebanyak 20.1% daripada jumlah portfolio pembiayaan industri perbankan. Pembiayaan tak berbayar bersih terus rendah pada 2.4%. Sekuriti Islam juga mengekalkan dominasinya dalam pasaran bon Malaysia, mencakupi 58% daripada jumlah pasaran bon. Hampir dua pertiga daripada pasaran ekuiti terdiri daripada sekuriti berlandaskan Syariah. Sektor Takaful juga telah mencatat pertumbuhan dengan dana asetnya telah meningkat sebanyak 8.2%. Dekad mutakhir ini juga menyaksikan peningkatan bilangan institusi kewangan Islam termasuk bank-bank yang menjalankan operasi sepenuhnya secara Islam, institusi kewangan pembangunan yang terbabit dalam perbankan Islam, takaful, takaful semula dan pengantara pasaran modal. Beberapa institusi ini mempunyai perkongsian strategik dengan peserta asing. Pada bulan April tahun ini, beberapa inisiatif liberalisasi telah diumumkan yang antara lain termasuk pengeluaran lesen baharu untuk perbankan Islam mega dan pengeluaran sehingga dua lesen takaful keluarga pada tahun ini. Pada peringkat global, aset kewangan Islam diunjurkan berkembang sehingga **USD1.6 trilion** menjelang tahun 2012, sementara sukuk global terkumpul sehingga kini berjumlah kira-kira **USD152.8 bilion**.

Pada siri ketiga seminar ini pada tahun 2007, peranan penting rangka kerja perundangan dan Syariah yang kukuh dalam pembangunan kewangan Islam yang mampan telah dibincangkan dengan terperinci. Hal ini penting kerana rangka kerja yang kukuh dapat memberikan kepastian dan kebolehramalan dalam urus niaga kewangan. Krisis kewangan antarabangsa semasa telah menunjukkan betapa pentingnya untuk memahami bahawa transformasi yang pesat dalam perjalanan sistem kewangan antarabangsa hendaklah disertai dengan keperluan untuk memastikan rangka kerja pengawalseliaan dan perundangan sejajar dengan perkembangan ini. Rangka kerja perundangan yang relevan adalah amat perlu untuk memberikan kepastian dan kebolehramalan terhadap urus

niaga kewangan dan produk-produk yang inovatif, sekali gus meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan. Hal ini sama pentingnya bagi industri perkhidmatan kewangan Islam yang pada dekad mutakhir ini telah melalui evolusi yang pesat dari segi inovasi dan pertumbuhannya.

Sesungguhnya, rangka kerja perundangan yang teguh dalam kewangan Islam memberikan keyakinan kepada orang ramai terhadap sistem kewangan ini, dan menyediakan platform yang diperlukan bagi para pengamal kewangan membangunkan lebih banyak produk kewangan yang inovatif dan kompleks untuk memenuhi kepelbagaian dalam permintaan pengguna yang makin meningkat. Selain itu, ia juga menyediakan mekanisme penyelesaian pertikaian yang mengambil kira ciri-ciri khusus urus niaga kewangan Islam. Dalam konteks ini, industri perkhidmatan perundangan memainkan peranan penting untuk memberikan penyelesaian undang-undang yang mantap dalam kewangan Islam. Oleh itu, rangka kerja perundangan menjadi "penghubung" yang penting antara parameter Syariah dengan perundangan, sekali gus membolehkan prinsip-prinsip Syariah dilaksanakan sebagai amalan kewangan Islam yang sah. Selain itu, dengan memastikan bahawa parameter perundangan selaras dengan parameter Syariah dan peraturan-peraturan, ia dapat bertindak sebagai penampung risiko.

Aspek perundangan kewangan Islam merupakan "penghubung" penting antara prinsip Syariah yang mentadbirnya dengan amalan kewangan Islam. Pelaksanaan prinsip-prinsip Syariah berasaskan undang-undang dan peraturan-peraturan yang mentadbirnya dalam setiap urus niaga kewangan Islam ditafsirkan melalui nasihat undang-undang, dokumen perundangan urus niaga kewangan, dan dalam menangani pertikaian. Dalam mendokumentasikan urus niaga kewangan berdasarkan prinsip-prinsip Syariah tertentu yang berasaskan produk kewangan, dokumen perundangan tersebut mencerminkan asas-asas Syariah dan ia berlandaskan sepenuhnya perundangan dan peraturan-peraturan yang mentadbir urus niaga kewangan. Perbezaan tafsiran Syariah khususnya antara negara menambah lagi kerumitan apabila membabitkan urus niaga merentas sempadan.

Dari perspektif dalam negeri, lebih banyak negara sedang mempertimbangkan penubuhan satu Majlis Syariah sebagai badan yang membuat keputusan tertinggi dalam hal yang berkaitan dengan Syariah. Komitmen dan interaksi yang lebih meluas telah wujud merentas negara, dan ini sekali gus meningkatkan sedikit sebanyak pertumpuan Syariah. Pengiktirafan bersama dalam pentafsiran prinsip-prinsip Syariah merentas negara akan menyumbang kepada pertumbuhan kewangan Islam yang mampan.

Bagi menggalakkan aplikasi yang konsisten bagi kontrak kewangan Islam di Malaysia, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan "Parameter Syariah" yang bertujuan menyebarluaskan satu piawaian rujukan mengenai Syariah untuk pengamal kewangan Islam. Parameter Syariah ini menggariskan keperluan Syariah yang utama dalam kontrak dan memberikan contoh, kaedah dan model untuk dilaksanakan secara praktikal dalam kontrak tersebut. Parameter Syariah yang pertama mengenai Murabahah yang dikeluarkan baru-baru ini bertujuan menggalakkan pentafsiran dan pelaksanaan pandangan dan pendapat Syariah yang konsisten mengenai kontrak Murabahah.

Dalam memberikan perkhidmatan perundangan, industri ini mempunyai peranan penting sebagai penghubung antara parameter Syariah dengan parameter perundangan bagi kontrak kewangan Islam. Hal ini penting khususnya dalam penyediaan dokumen perundangan bagi urus niaga kewangan Islam untuk mengelak kekaburan, ketidakkonsistenan dan untuk mengelak risiko daripada dokumen perundangan itu diputuskan tidak sah oleh mahkamah atas dasar bercanggah dengan Syariah.

Urus niaga kewangan Islam mempunyai ciri-ciri risiko tersendiri yang unik yang perlu

diuruskan. Antara beberapa risiko yang unik bagi urus niaga kewangan Islam termasuk risiko perundangan bagi kerugian apabila berlakunya tuntutan undang-undang dan ketidakpatuhan undang-undang yang relevan, risiko yang berkaitan dengan ketidakpatuhan prinsip-prinsip Syariah dan risiko fidusiari yang timbul ekoran kegagalan untuk melaksanakan kewajipan kontrak berdasarkan prinsip-prinsip asas Syariah. Pengenalan produk dan urus niaga kewangan yang baharu, lebih inovatif dan kompleks membolehkan pengasingan dan pengemasan semula risiko melalui cara-cara yang belum pernah diamalkan. Penasihat Syariah akan memerlukan kepakaran secara kolektif termasuk daripada pengamal undang-undang, untuk mengenal pasti dan memahami kewajaran sesuatu struktur. Institusi kewangan Islam seterusnya pula perlu menangani implikasi yang akan timbul.

Memandangkan pentingnya kewangan Islam disokong oleh rangka kerja perundangan yang teguh, Akta Bank Negara Malaysia 2009 yang baharu, dengan jelas telah mengekodkan bahawasanya sistem kewangan Malaysia terdiri daripada dwisistem yang berfungsi secara seiringan, iaitu sistem kewangan Islam dan sistem kewangan konvensional. Pernyataan undang-undang ini disokong oleh rangka kerja perundangan yang komprehensif yang sudah pun dilaksanakan bagi pengawalseliaan kewangan Islam di Malaysia, yang meliputi perbankan, takaful dan industri pasaran modal Islam. Pengiktirafan perundangan terhadap ciri-ciri urus niaga kewangan Islam yang khusus dan ketersediaan mekanisme penyelesaian pertikaian yang berupaya mengaplikasikan ciri-ciri khusus ini dapat mengurangkan risiko perundangan serta risiko ketidakpatuhan pada prinsip-prinsip Syariah.

Struktur keinstitusian yang ditentukan oleh rangka kerja perundangan dan pentadbiran ialah asas pertama daya saing. Keupayaan untuk mengendalikan urus niaga kewangan secara cekap, dengan kepastian dan penguatkuasaan yang berpatutan, dan proses yang jelas untuk menyelesaikan kekaburan dan kemungkinan pelanggaran kontrak akan meningkatkan daya saing, baik pada peringkat institusi mahupun bagi sistem kewangan secara keseluruhan. Di Malaysia, pertikaian kewangan Islam diputuskan dalam mahkamah sivil dan bukan mahkamah Syariah, yang mempunyai bidang kuasa terhad bagi hal-hal yang berkaitan dengan individu Muslim. Jika pertikaian itu berkaitan dengan keperluan untuk memperoleh penentuan Syariah, mahkamah dan penimbang tara hendaklah merujuk kepada Majlis Syariah di Bank Negara Malaysia untuk memudahkan keputusan dibuat. Majlis Syariah ialah badan tertinggi yang bertanggungjawab dalam perkara Syariah bagi hal-hal perbankan dan kewangan yang berada di bawah bidang kuasa Bank Negara Malaysia. Sistem rujukan ini menyediakan satu platform yang diperlukan untuk memastikan konsistensi dan kebolehramalan dalam pentafsiran dan pelaksanaan prinsip-prinsip Syariah dalam urus niaga kewangan di Malaysia.

Kesimpulan

Kekuatan dalaman kewangan Islam dalam keadaan krisis kewangan global telah menyemarakkan minat terhadap kewangan Islam di seluruh dunia. Tahap inovasi, skala dan kerumitan urus niaga kewangan Islam juga sedang meningkat dengan begitu pantas. Melangkah ke hadapan, diramalkan bahawa perkhidmatan perundangan bagi kewangan Islam akan menjadi lebih penting selaras dengan kemajuan dan kecekapan kewangan Islam yang berterusan.

Dalam hal ini, kepemimpinan yang berasaskan pemikiran dalam menangani isu-isu perundangan yang terdapat dalam kewangan Islam menjadi unsur penting bagi pertumbuhan industri perkhidmatan kewangan Islam yang berterusan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada IFSB kerana menganjurkan seminar ini tepat pada masanya. Saya yakin seminar ini akan terus menjadi platform yang konstruktif bagi pengamal-pengamal perundangan dan industri untuk bermusyawarah mengenai keberkesanan dan penyelesaian yang pragmatik mengenai isu-isu perundangan dalam kewangan Islam.

KALENDAR PERISTIWA
Julai – September 2009

8 Julai 2009

Dalam ucapan beliau di Forum Kewangan Islam Malaysia-UK, Gabenor, Dr. Zeti menyatakan bahawa kerjasama dan perkongsian antarabangsa perlu diwujudkan antara pusat kewangan antarabangsa untuk menjamin kestabilan kewangan dalam sistem kewangan Islam antarabangsa. Beliau juga menekankan kepentingan untuk memudahkan integrasi sistem kewangan Islam antarabangsa dengan saling mengiktiraf standard produk dan kewangan merentas negara. Selain itu, untuk mengukuhkan penghayatan tentang kewangan Islam, pembangunan pasaran kewangan Islam antarabangsa juga penting untuk mempertingkatkan mudah tunai instrumen dan keupayaan pengurusan risiko para peserta.

15 Julai 2009

Bank Negara Malaysia mengumumkan pengeluaran wang kertas RM50 reka bentuk baharu. Reka bentuk baharu wang kertas RM50 ini merupakan denominasi pertama dalam Siri Keempat mata wang kertas Malaysia yang akan menggantikan siri yang sedia ada secara berperingkat-peringkat. Wang kertas RM50 baharu ini menggabungkan pelbagai ciri keselamatan yang moden dan inovatif dengan tujuan utamanya adalah untuk menghalang pemalsuan. Siri reka bentuk wang kertas RM50 yang sedia ada akan terus sah diperlakukan dan akan diedarkan bersama-sama wang kertas baharu RM50 sehingga siri lama ini dikeluarkan daripada edaran secara berperingkat-peringkat.

22 Julai 2009

Bersempena dengan Mesyuarat Gabenor-Gabenor EMEAP ke-14 di Hong Kong, Bank Negara Malaysia, bersama-sama dengan Hong Kong Monetary Authority dan Monetary Authority of Singapore mengumumkan penubuhan kumpulan kerja tiga pihak untuk merangka strategi bersepadu bagi pemansuhan secara berjadual jaminan deposit penuh menjelang akhir tahun 2010 di negara masing-masing.

23 Julai 2009

Bank Negara Malaysia mengumumkan permulaan operasi Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (Corporate Debt Restructuring Committee, CDRC), sebuah forum sukarela bagi penyelesaian masalah hutang syarikat-syarikat besar. CDRC menyediakan saluran di luar mahkamah bagi penyelesaian sewajarnya hutang peminjam korporat dan pemiutangnya. CDRC yang mula ditubuhkan semasa krisis kewangan pada tahun 1998 telah berjaya menyelesaikan 57 kes dengan jumlah hutang terkumpul sebanyak RM45.8 bilion.

29 Julai 2009

Pada mesyuaratnya yang kelima tahun 2009, Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 2.00 peratus. MPC menyatakan bahawa sejak mesyuaratnya yang lalu, ekonomi global menunjukkan tanda-tanda ia semakin stabil dan keadaan dalam pasaran kewangan antarabangsa pada amnya bertambah baik. Ekonomi dalam negeri juga telah menunjukkan tanda-tanda penstabilan pada suku kedua, dengan beberapa penunjuk seperti indeks pengeluaran perindustrian dan pemberhentian pekerja mencatat penurunan yang lebih perlahan.

Dalam mesyuarat yang berikutnya pada 25 Ogos, MPC juga memutuskan untuk mengekalkan OPR pada kadar yang sama. Sejak mesyuarat MPC bulan Julai lalu, terdapat lebih banyak tanda-tanda bahawa keadaan ekonomi dan kewangan global bertambah baik, manakala keadaan ekonomi dalam negeri juga semakin stabil. Melangkah ke hadapan, MPC menjangkakan bahawa ekonomi dalam negeri akan terus bertambah baik pada separuh kedua tahun 2009 hingga ke tahun 2010, susulan pemulihan permintaan dalam negeri.

10 Ogos 2009

Bank Negara Malaysia mengumumkan terbitan sulung bon USD 3.0 bilion dan sukuk USD 1.5 bilion oleh PETRONAS dengan menggunakan gelaran "Emas" yang berasal daripada perkataan Melayu. Gelaran "Emas" akan diberikan bagi terbitan dalam denominasi mata wang asing atau bon yang diterbitkan daripada pasaran Malaysia. Terbitan oleh PETRONAS ini amat berjaya dan menarik minat yang meluas daripada bilangan pelabur yang besar. Terbitan ini memperlihatkan kewibawaan Malaysia sebagai pusat terbitan bukan sahaja untuk bon dan sukuk Ringgit, tetapi juga untuk terbitan bon dan sukuk dalam denominasi mata wang asing. Pada masa ini, Malaysia merupakan peneraju global dalam terbitan sukuk, mencakupi 62% daripada jumlah terkumpul sukuk global.

26 Ogos 2009

Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia menguncup pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 3.9% pada suku kedua tahun 2009 (S1 09: -6.2%), disokong terutamanya oleh perbelanjaan awam yang lebih tinggi dan pertumbuhan positif dalam penggunaan swasta. Walau bagaimanapun, pertumbuhan terus dipengaruhi oleh permintaan luar negeri dan aktiviti pelaburan swasta yang lemah. Dari segi penawaran, kesemua sektor ekonomi mencatat prestasi yang lebih baik pada suku itu.

27 Ogos 2009

Institut Kewangan Asia (Asian Institute of Finance, AIF), ialah satu inisiatif bersama Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang ditubuhkan untuk terus menggalakkan pembangunan modal insan dalam sektor kewangan Malaysia. AIF berhasrat untuk menjadi sebuah institusi cemerlang pada peringkat global dalam usaha menyokong kemajuan industri perkhidmatan kewangan di Malaysia. Hasrat ini akan dicapai melalui pengukuhan pengaturan keinstitusian bagi kerjasama antara AIF dengan empat institusi latihan yang pada masa ini menyediakan khidmat latihan kepada sektor perkhidmatan kewangan, iaitu, Institut Bank-Bank Malaysia (IBBM), Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, IBFIM), Institut Insurans Malaysia (Malaysian Insurance Institute, MII) dan Perbadanan Pembangunan Industri Sekuriti (Securities Industry Development Corporation, SIDC). AIF akan memberikan tumpuan pada pembangunan rangka kerja kecekapan untuk ahli profesional perkhidmatan kewangan dan akan berfungsi sebagai platform penyelarasan utama bagi memperoleh manfaat daripada kesalinglengkapan dan kekuatan setiap institusi ke arah mencapai wawasan yang sama.

28 Ogos 2009

Bank Negara Malaysia mengumumkan terbitan dokumen Parameter Syariah Rujukan 1, yang juga dikenali sebagai Parameter *Murabahah*. Parameter *Murabahah* ini merupakan dokumen pertama dalam siri Parameter Syariah yang diterbitkan untuk menjadi panduan dan rujukan bagi semua institusi kewangan Islam di Malaysia. Parameter Syariah lain yang sedang dirangka ialah Parameter *Ijarah, Mudarabah, Musyarakah, Istisna'* dan *Wadiah*. Parameter Syariah ini telah diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan menandakan suatu pencapaian penting dalam usaha Bank untuk menggalakkan pembangunan industri kewangan Islam yang lebih selaras.

24 - 25 September 2009

Bank Negara Malaysia, bersama-sama dengan Pusat Latihan dan Penyelidikan Bank Pusat Asia Tenggara (South East Asian Central Banks Research and Training Centre, SEACEN), dan Institut Bank-bank Malaysia (Institute of Bankers Malaysia, IBBM) telah menganjurkan persidangan Sekolah Undang-undang Kewangan dan Perbankan SEACEN-BNM 2009 (SEACEN-BNM Banking and Financial Law School 2009, BFLS) mengenai "Cabaran Semasa dalam Perbankan Pusat - Perspektif Undang-undang". BFLS telah menghimpunkan penceramah-penceramah antarabangsa yang terkenal untuk berkongsi pandangan mengenai pembaharuan penting dalam undang-undang yang memberikan tumpuan pada isu-isu berkaitan dengan perundangan bank pusat, pengawalan institusi kewangan dan undang-undang syarikat.

Dalam ucaptama beliau pada majlis itu, Gabenor menekankan perlunya bank-bank pusat mempunyai rangka kerja undang-undang dan pengawalseliaan yang teguh dan dinamik untuk bertindak balas terhadap cabaran baharu dan menangani risiko terhadap kestabilan kewangan. Menurut beliau, susulan daripada krisis baru-baru ini, integrasi kewangan dan ekonomi global yang kompleks telah menyebabkan kemunculan risiko-risiko baharu kepada sistem kewangan domestik.

28 September 2009

Bank Negara Malaysia dan Hong Kong Monetary Authority (HKMA) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai kerjasama dalam pembangunan industri perkhidmatan kewangan, terutamanya dalam bidang kewangan Islam. Bagi mencapai perkongsian strategik jangka panjang di bawah MoU ini, kedua-dua belah pihak bersetuju untuk mengukuhkan lagi kerjasama dalam beberapa bidang berikut:

- Bina upaya dan pembangunan modal insan;
- Memudahkan dan menggalakkan pembangunan infrastruktur pasaran kewangan yang efektif melalui pertukaran maklumat dan pengalaman dalam pembangunan rangka kerja perundangan, pengawalan dan penyeliaan bagi kewangan Islam; dan
- Menggalakkan aktiviti kewangan merentas sempadan melalui usaha pengharmonian piawaian dan dokumentasi berkaitan urus niaga kewangan Islam dan menggalakkan penggunaan kontrak kewangan Islam secara konsisten bagi urus niaga merentas sempadan.